



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2014

AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN
NEGERI JOHOR

SIRI 1



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2014

**AKTIVITI JABATAN/AGENSI
DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN
NEGERI JOHOR**

SIRI 1

**Jabatan Audit Negara
Malaysia**



KANDUNGAN

KANDUNGAN

vii	KATA PENDAHULUAN
xi	INTISARI LAPORAN
	AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI
	UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI JOHOR
3	Pengurusan Pembinaan Sekolah Agama Di Negeri Johor
	JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR
28	Pengurusan Bekalan Makanan Bermasak Ke Asrama Sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor
	MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG MAJLIS DAERAH LABIS
43	Pengurusan Perolehan
	YPJ CORPORATION SDN. BHD.
57	YPJ Plantations Sdn. Bhd.
75	PENUTUP



KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri. Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 serta Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2013 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Negeri.
2. Jabatan Audit Negara akan terus menyokong Dasar Transformasi Negara dan terus membantu Jabatan/Agensi Kerajaan melakukan penambahbaikan bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat dengan memberikan pandangan serta syor melalui pengauditan yang dijalankan. Ke arah itu, satu lagi inisiatif di bawah GTP 2.0 telah dilaksanakan oleh Jabatan Audit Negara iaitu mewujudkan paparan “AG’s Dashboard” yang memaparkan status terkini tindakan yang telah diambil oleh pihak Audit terhadap isu-isu yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara termasuk syor-syor yang dikemukakan sebaik sahaja Laporan itu dibentangkan di Parlimen. Paparan sedemikian yang boleh diakses oleh semua pihak dapat memberi gambaran sejauh mana tindakan pembetulan atau penambahbaikan telah diambil oleh Jabatan/Agensi pada satu-satu masa.
3. Laporan saya ini adalah hasil daripada pengauditan yang dijalankan terhadap aktiviti-aktiviti tertentu yang dilaksanakan di 2 Jabatan, 2 Agensi dan satu Syarikat Kerajaan Negeri Johor. Pemerhatian Audit daripada pengauditan tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan. Ketua-ketua Jabatan dan Agensi juga telah dimaklumkan mengenai isu-isu berkaitan semasa *Exit Conference* yang diadakan sebelum Laporan ini disediakan. Sehubungan itu, hanya penemuan Audit yang penting sahaja dilaporkan dalam Laporan ini. Laporan berkenaan juga telah dikemukakan kepada Pejabat Menteri Besar/Setiausaha Kerajaan Negeri Johor. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 12 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Jabatan/Agensi berkenaan.
4. Saya berharap laporan mengenai pelaksanaan Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Johor Tahun 2014 Siri 1 ini akan digunakan sebagai asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan, meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat seperimana dihasratkan oleh Kerajaan.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri Johor yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)

Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya

23 Februari 2015



INTISARI LAPORAN

INTISARI LAPORAN

1. UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI JOHOR

- Pengurusan Pembinaan Sekolah Agama Di Negeri Johor

1.1. Pada tahun 2010, Kerajaan Negeri telah membuat keputusan untuk membina 96 buah SA melalui kaedah bayaran tertangguh dengan kos berjumlah RM319.04 juta. Sejumlah RM19.27 juta setahun akan dijelaskan kepada pemaju bagi tempoh 15 tahun bermula tahun 2012 sehingga tahun 2026. Berdasarkan Perjanjian Projek, pembiayaan kos pembinaan SA akan ditanggung oleh Kerajaan Negeri dan Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) dengan nisbah 70:30. Pembinaan SA akan disiapkan dalam tempoh dua tahun bermula dari bulan Oktober 2010 hingga September 2012 secara berperingkat merangkumi 4 fasa. Kerajaan Negeri telah memutuskan untuk melantik Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor (UPENJ) bagi melaksanakan penyeliaan dan pemantauan terhadap projek pembinaan 96 buah SA sementara Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ) sebagai pihak penerima bangunan SA.

1.2. Pengauditan yang telah dilaksanakan pada bulan Mei hingga Ogos 2014 mendapati pengurusan pembinaan sekolah agama adalah tidak memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan seperti tempoh lanjutan masa yang diberikan terlalu panjang, projek pembinaan terbiar dan tiada pekerja, bekalan perabot telah dihantar ke sekolah yang belum siap sepenuhnya dan pemaju yang dilantik tidak mempunyai pengalaman dalam projek pembinaan berskala besar. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

- Hanya 18 buah atau 20.7% daripada 87 SA telah diduduki dan diserahkan kepada JAIJ dan sebanyak 8 buah SA yang sepatutnya telah dimulakan pembinaannya secara berperingkat bermula pada bulan Januari 2013 masih belum dibina.
- Semua SA yang telah diduduki belum mendapat Sijil Penyiapan dan Pematuhan atau *Certificate of Completion and Compliance (CCC)*.
- Lanjutan masa yang diberikan terlalu panjang iaitu antara 167 hari hingga 912 hari berbanding tempoh asal pelaksanaan kontrak.
- Sebanyak 36 atau 56.3% daripada 64 tapak pembinaan bangunan SA terbiar dan tiada pekerja di tapak pembinaan.
- Bekalan perabot telah dihantar ke 4 buah sekolah yang belum siap dan status penyiapan sekolah yang terlibat adalah antara 93.3% hingga 97.4%.
- Pemaju projek yang dilantik tidak mempunyai pengalaman dalam projek pembinaan bangunan berskala besar. Selain itu, rekod profil pendaftaran CIDB bagi Irwan Teguh Sdn. Bhd. hanya bermula pada 7 Mac 2012.

- Perjanjian lewat ditandatangani.
- Sebanyak 196 kerosakan dalam tempoh tanggungan kecacatan bagi sekolah yang telah diserah belum dibaiki.
- Denda ganti rugi tertentu dan ditetapkan (LAD) tidak dikenakan.
- Kualiti pembinaan tidak memuaskan.

1.3. Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan, adalah disyorkan supaya UPENJ mempertimbangkan tindakan seperti berikut:

1.3.1. UPENJ hendaklah tegas dalam menguatkuasakan syarat kontrak dan mengambil tindakan terhadap MDSB ke atas sebarang pelanggaran syarat kontrak.

1.3.2. UPENJ hendaklah mewujudkan sistem pemantauan pelaksanaan projek yang kemas supaya kemajuan kerja MDSB dapat dipantau dan dilaksanakan mengikut spesifikasi serta berkualiti.

1.3.3. UPENJ perlu mempertimbangkan untuk melantik *Project Management Consultant* (PMC) bagi memastikan projek dapat dilaksanakan dengan lebih lancar dan teratur.

2. JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR

- Pengurusan Bekalan Makanan Bermasaki Ke Asrama Sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor

2.1. Bekalan makanan bersih dan berkualiti adalah penting kepada pelajar di sekolah berasrama. Pengurusan bekalan makanan ke sekolah berasrama perlu dilakukan mengikut peraturan yang ditetapkan bagi menjamin kualiti makanan yang disediakan adalah baik dan bersesuaian untuk pelajar. Sebanyak 2 buah sekolah menengah agama di Negeri Johor di bawah kelolaan Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ) iaitu Sekolah Menengah Agama Maahad Johor (Maahad Johor) dan Sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor, Kluang (SMAKJ Kluang). Jumlah pelajar di kedua-dua sekolah tersebut pada bulan Mei 2014 adalah seramai 3,528 pelajar. Kesemua pelajar yang tinggal di asrama di kedua-dua buah sekolah menengah agama berkenaan adalah layak untuk menerima bekalan makanan bermasaki.

2.2. Perbelanjaan bekalan makanan bermasaki bagi 2 buah sekolah menengah agama berkenaan adalah berjumlah RM1.40 juta pada tahun 2012 dan meningkat kepada RM1.61 juta pada tahun 2013. Sehingga Ogos 2014, jumlah perbelanjaan adalah berjumlah RM1.19 juta. Harga siling bagi membekal makanan bermasaki kepada seorang pelajar ialah antara RM6.00 hingga RM6.20 sehari bagi tempoh kontrak tahun 2011 hingga 2012 dan RM7.90 hingga RM8.50 sehari bagi tempoh kontrak tahun 2013 hingga 2015.

2.3. Pengauditan yang dilaksanakan antara bulan Mei hingga Julai 2014 mendapati pemilihan kontraktor bagi membekalkan makanan bermasaki ke 2 buah asrama sekolah

menengah agama di Maahad Johor dan SMAKJ Kluang adalah memuaskan kerana telah dilaksanakan secara tender terbuka oleh JAINJ mengikut prosedur kewangan yang ditetapkan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan bekalan makanan bermasak seperti di bawah:

- Menu makanan ditukar tanpa kelulusan.
- Penyelia asrama tidak memeriksa bekalan makanan yang dihantar/disediakan oleh kontraktor.
- Kebersihan dan keselamatan di dewan makan kurang memuaskan.
- Pengurusan bayaran bekalan makanan bermasak kurang memuaskan.

2.4. Bagi memastikan pengurusan perkhidmatan bekalan makanan bermasak dilaksanakan dengan lebih cekap dan berkesan serta mematuhi peraturan yang ditetapkan adalah disyorkan Bahagian Pendidikan, Jabatan Agama Islam Negeri Johor dan pihak sekolah mengambil langkah-langkah penambahbaikan seperti berikut:

2.4.1. Memastikan pemantauan dijalankan terhadap kontraktor supaya mematuhi syarat kontrak.

2.4.2. Menjalankan pembaikan bagi kerosakan di dapur dan dewan makan dengan segera bagi keselamatan pelajar.

2.4.3. Menyemak secara terperinci tuntutan bayaran yang dikemukakan oleh kontraktor bagi mengelakkan berlakunya lebihan bayaran.

3. MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG

MAJLIS DAERAH LABIS

- Pengurusan Perolehan

3.1. Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG) dan Majlis Daerah Labis (MDL) merupakan 2 daripada 15 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Johor yang diwujudkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Pengurusan perolehan di MPPG diuruskan oleh Bahagian Pengurusan Kontrak dan Jabatan Kewangan manakala pengurusan perolehan di MDL diuruskan oleh Bahagian Kewangan dan Bahagian Pengurusan Projek. Bagi tahun 2012 hingga 2014, MPPG telah membelanjakan sejumlah RM142.38 juta manakala MDL telah membelanjakan sejumlah RM24.03 juta bagi tujuan perolehan dengan menggunakan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan, Negeri dan Majlis sendiri.

3.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos 2014 hingga November 2014 mendapati secara keseluruhannya pengurusan perolehan di MDL adalah memuaskan tetapi

di MPPG adalah kurang memuaskan kerana terdapat kes-kes di mana perolehan dibuat tidak mematuhi sepenuhnya peraturan perolehan. Antara kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

- Proses sebut harga tidak diurus dengan teratur di MPPG.
- Perolehan di MPPG dan MDL tidak digunakan.
- Spesifikasi kerja menurap jalan di MDL tidak diperincikan.
- Perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja di MPPG tidak dipelawa secara sebut harga.
- Kelemahan pengurusan bayaran di MDL.

3.3. Bagi menambah baik pelaksanaan perolehan dan memastikan pengurusan perolehan dapat dilaksanakan dengan teratur dan berhemat serta Majlis mendapat *value for money* bagi perbelanjaan wang awam yang dibelanjakan, MPPG dan MDL disyorkan mempertimbangkan perkara berikut:

3.3.1. Meningkatkan kawalan dalaman bagi memastikan proses pemilihan sebut harga dilakukan dengan teratur.

3.3.2. Memastikan kemudahan dan bangunan yang dibina tidak terbiar dan boleh dimanfaatkan oleh orang awam.

3.3.3. Memastikan peraturan kewangan berkaitan perolehan dipatuhi.

4. YPJ CORPORATION SDN. BHD.

- **YPJ Plantations Sdn. Bhd.**

4.1. YPJ Plantations Sdn. Bhd. (YPJPSB) yang pada awal penubuhannya dikenali sebagai YPJ Oil Palm Estate Sdn. Bhd. telah ditubuhkan pada 9 November 1992 di bawah Seksyen 16(4) Akta Syarikat 1965. Sehingga 31 Oktober 2014, modal saham dibenarkan dan modal saham berbayar YPJPSB masing-masing berjumlah RM100 juta. YPJPSB merupakan anak syarikat 100% milik YPJ Corporation Sdn. Bhd. (YPJCSB). YPJCSB berperanan menguruskan secara langsung ekuiti syarikat induknya iaitu YPJ Holdings Sdn. Bhd. (YPJHSB) dalam pelbagai bidang iaitu perladangan, harta tanah serta perkhidmatan dan pengurusan. YPJHSB pula merupakan anak syarikat 100% milik Yayasan Pelajaran Johor (YPJ). Aktiviti utama syarikat YPJPSB adalah dalam bidang perladangan dan pengilangan kelapa sawit.

4.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mac hingga Jun 2014 mendapati prestasi kewangan YPJPSB secara keseluruhannya adalah baik bagi tempoh 2011 hingga 2013 di mana ia mencatatkan keuntungan setiap tahun. Pengurusan aktiviti utama dan tadbir urus

korporat YPJPSB bagi tahun 2012 hingga 2014 juga adalah baik. Bagaimanapun terdapat beberapa perkara yang perlu di beri perhatian oleh pihak pengurusan seperti berikut:

- Pengeluaran Buah Tandan Segar (BTS) tidak mencapai sasaran ditetapkan dan di bawah purata negara.
- Prestasi perolehan BTS dan prestasi pengeluaran Minyak Sawit Mentah (MSM) tidak mencapai sasaran ditetapkan.
- Purata harga jualan MSM dan Isirong Kelapa Sawit (IKS) di bawah purata negara.
- Rancangan Korporat dan *Key Performance Indicator* (KPI) syarikat tidak disediakan.
- Kelemahan dalam pengurusan aset.

4.3. Bagi memastikan objektif penubuhan YPJ Plantations Sdn. Bhd. (YPJPSB) dapat dicapai sepenuhnya serta YPJ Corporation Sdn. Bhd. dan YPJ Holdings Sdn. Bhd. sebagai pemegang ekuiti mendapat *value for money*, adalah disyorkan YPJPSB mengambil tindakan seperti berikut:

4.3.1. Meningkatkan pengeluaran BTS ladang kelapa sawit supaya mencapai sasaran pengeluaran yang ditetapkan dan seterusnya menjamin pendapatan utama YPJPSB tidak terjejas.

4.3.2. Menentukan tahap risiko dalam setiap aktiviti yang dilaksanakan bagi memudahkan perancangan strategik syarikat dan *Key Performance Indicator* (KPI) ditentukan untuk mengukur prestasi syarikat.

4.3.3. Membuat penambahbaikan terhadap kawalan pengurusan aset.



**AKTIVITI
JABATAN/AGENSI
DAN PENGURUSAN SYARIKAT
KERAJAAN NEGERI**

UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI JOHOR

1. PENGURUSAN PEMBINAAN SEKOLAH AGAMA DI NEGERI JOHOR

1.1. LATAR BELAKANG

1.1.1. Pendidikan agama Islam di kalangan pelajar sangat dititikberatkan oleh Kerajaan Negeri sejak tahun 1895 lagi. Setakat bulan September 2014, sejumlah 564 buah Sekolah Agama (SA) telah beroperasi di seluruh Negeri Johor dengan bilangan pelajar seramai 192,158 orang. Daripada 564 buah SA yang beroperasi hanya 389 mempunyai bangunan sendiri manakala selebihnya menumpang di sekolah kebangsaan, balai raya atau menyewa bangunan rumah kedai.

1.1.2. Pada tahun 2010, Kerajaan Negeri Johor telah membuat keputusan untuk membina 96 buah SA melalui kaedah bayaran tertangguh dengan kos berjumlah RM319.04 juta. Sejumlah RM19.27 juta setahun akan dijelaskan kepada pemaju bagi tempoh 15 tahun bermula tahun 2012 sehingga tahun 2026. Berdasarkan Perjanjian Projek, pembiayaan kos pembinaan SA akan ditanggung oleh Kerajaan Negeri dan Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) dengan nisbah 70:30. Pembinaan SA akan disiapkan dalam tempoh dua tahun bermula dari bulan Oktober 2010 hingga September 2012 secara berperingkat merangkumi 4 fasa seperti di **Jadual 1.1**.

Jadual 1.1
Bilangan Sekolah Agama Mengikut Fasa Dan Tempoh Pelaksanaan

Bil.	Fasa Pembangunan	Bil. Sekolah	Tempoh Pelaksanaan
1	Fasa 1	25	Oktober 2010 – September 2011
2	Fasa 2	25	Januari 2011 – Disember 2011
3	Fasa 3	24	April 2011 – Mac 2012
4	Fasa 4	22	Julai 2011 – Jun 2012
Jumlah Keseluruhan		96	

Sumber: Perjanjian Projek

1.1.3. Kerajaan Negeri telah memutuskan untuk melantik Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor (UPENJ) bagi melaksanakan penyeliaan dan pemantauan terhadap projek pembinaan 96 buah SA sementara Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ) sebagai pihak penerima bangunan SA. Perjanjian Projek telah ditandatangani antara Kerajaan Negeri Johor, MAINJ dan MysysNet Development Sdn. Bhd. (MDSB) selaku pemaju projek pada 13 April 2011.

1.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan ini adalah untuk menilai sama ada pengurusan pembinaan sekolah agama telah diuruskan dengan teratur, cekap dan berhemat bagi mencapai objektif pembinaan yang ditetapkan.

1.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini tertumpu kepada pengurusan pembinaan sekolah agama di pejabat UPENJ bagi tahun 2012 hingga 2014. Bagaimanapun, pengauditan juga akan dilaksanakan terhadap pembinaan sekolah tahun sebelum sekiranya berkaitan. Selain itu, maklumat berkaitan pembinaan SA diperoleh daripada MDSB dan Irwan Teguh Sdn. Bhd. (ITSB) iaitu selaku pemaju dan kontraktor utama bagi projek tersebut. Kaedah pengauditan adalah dengan menyemak, mengkaji dan menganalisis maklumat berdasarkan rekod, fail, data dan dokumen. Lawatan Audit juga telah dilaksanakan di 10 daerah di Negeri Johor melibatkan 82 daripada 96 buah SA yang ditetapkan dalam kontrak. Selain itu, temu bual dengan pegawai yang terlibat juga dibuat bagi mendapatkan maklumat dan penjelasan lanjut berkaitan sesuatu isu yang ditemui. *Exit conference* bersama Timbalan Pengarah UPENJ, Setiausaha MAINJ dan pegawai-pegawai kanan UPENJ serta MAINJ telah diadakan pada 10 Disember 2014.

1.4. PENEMUAN AUDIT

Hasrat Kerajaan Negeri menambah bilangan sekolah bagi membolehkan SA beroperasi di bangunan sendiri untuk memberi lebih keselesaan kepada pelajar serta guru adalah tindakan yang baik dan wajar dipuji. Bagaimanapun, pengauditan yang telah dilaksanakan pada bulan Mei hingga Ogos 2014 mendapati pengurusan pembinaan sekolah agama adalah tidak memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan seperti sekolah lewat disiapkan, tempoh lanjutan masa yang diberikan terlalu panjang, projek pembinaan terbiar dan tiada pekerja, bekalan perabot telah dihantar ke sekolah yang belum siap sepenuhnya dan pemaju yang dilantik tidak mempunyai pengalaman dalam projek pembinaan berskala besar. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

- Hanya 18 buah atau 20.7% daripada 87 buah SA telah diduduki dan diserahkan kepada JAINJ manakala sebanyak 8 buah SA yang sepatutnya telah dimulakan pembinaannya secara berperingkat bermula pada bulan Januari 2013 masih belum dibina.
- Semua SA yang telah diduduki belum mendapat Sijil Penyiapan dan Pematuhan atau *Certificate of Completion and Compliance (CCC)*.
- Lanjutan masa yang diberikan terlalu panjang iaitu antara 167 hari hingga 912 hari berbanding tempoh asal pelaksanaan kontrak.
- Sebanyak 36 atau 56.3% daripada 64 tapak pembinaan bangunan SA terbiar dan tiada pekerja di tapak pembinaan.
- Bekalan perabot telah dihantar ke 4 buah sekolah yang belum siap dan status penyiapan sekolah yang terlibat adalah antara 93.3% hingga 97.4%.
- Pemaju projek yang dilantik tidak mempunyai pengalaman dalam projek pembinaan bangunan berskala besar. Selain itu, rekod profil pendaftaran CIDB bagi ITSB hanya bermula pada 7 Mac 2012.

- Perjanjian lewat ditandatangani.
- Sebanyak 196 kerosakan dalam tempoh tanggungan kecacatan bagi sekolah yang telah diserah belum dibaiki.
- Denda ganti rugi tertentu dan ditetapkan (LAD) tidak dikenakan.
- Kualiti pembinaan tidak memuaskan.

1.4.1. Prestasi Pembinaan

1.4.1.1. Pencapaian Fizikal Projek

- a. Mengikut syarat Perjanjian Projek, pembinaan fasa pertama hendaklah bermula pada 1 Oktober 2010 dan siap dengan penyerahan Sijil Penyiapan Praktikal (*Certificate of Practical Completion*) tidak lewat daripada 24 bulan atau pada bulan September 2012. Semakan Audit terhadap Laporan Perakuan Kemajuan Kerja mendapati sebanyak 87 buah atau 90.6% daripada 96 buah SA telah memulakan pembinaannya secara berperingkat bermula pada bulan Oktober 2010. Bagaimanapun, sehingga bulan Disember 2014 hanya 18 buah atau 20.7% daripada 87 buah SA telah diserahkan kepada JAINJ dan telah diduduki. Semakan Audit juga mendapati perkara berikut:
- i. Sebanyak 8 buah SA yang sepatutnya telah dimulakan pembinaannya secara berperingkat bermula pada bulan Januari 2013 masih belum dibina. Sebuah SA yang dirancang untuk dibina pada fasa 2 telah dipindahkan kepada fasa 5 kerana masalah tapak yang tidak selesai.
 - ii. Semua SA yang telah diserahkan untuk diduduki belum mendapat kelulusan Sijil Penyiapan dan Pematuhan atau *Certificate of Completion and Compliance (CCC)* seperti kehendak Klausula 6.18 Perjanjian Projek.
 - iii. Fasa 1 hingga Fasa 4 pembinaan SA telah lewat disiapkan antara 234 hari hingga 563 hari daripada jadual sebenar bangunan SA sepatutnya disiapkan mengikut perjanjian. Kerajaan Negeri telah memberikan lanjutan masa berdasarkan kepada syor yang diberikan oleh Perunding Juruukur Bahan yang dilantik. Bagaimanapun, lanjutan masa yang diberikan kepada MDSB adalah secara pukal iaitu sebanyak 2 kali di mana yang pertama telah diberikan sehingga 31 Mac 2014 dan lanjutan masa yang kedua sehingga 31 Mei 2015. Pihak Audit berpendapat lanjutan masa yang dimohon dan diluluskan adalah terlalu panjang iaitu antara 133 hari hingga 912 hari berbanding jadual asal pelaksanaan kontrak.
- b. Semakan Audit selanjutnya mendapati kelewatan penyiapan dan penyerahan bangunan SA dikenal pasti berpunca daripada beberapa sebab seperti berikut:

- i. Hak milik tapak pembinaan masih belum dapat diselesaikan menyebabkan kontraktor tidak boleh memulakan kerja pembinaan. Kebanyakan tapak pembinaan merupakan tanah wakaf kepunyaan MAINJ yang tidak jelas hak milik dan garis sempadannya.
- ii. MAINJ gagal melunaskan pembayaran bulanan berjumlah RM0.31 juta sejak bulan Mei 2012 hingga bulan Julai 2014 seperti yang termaktub dalam Perjanjian Projek. Ini menyebabkan kerja pembinaan terhenti kerana MDSB ketiadaan dana untuk membuat bayaran selanjutnya kepada kontraktor pembinaan. Selain itu, kelewatan pembayaran juga telah menjelaskan struktur bayaran balik kepada pihak bank.
- c. Masalah pembinaan sekolah yang tidak dapat disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan dan terbengkalai telah menjadi tajuk beberapa buah akhbar utama. Keratan akhbar Harian Metro bertarikh 18 April 2014 menyatakan projek pembinaan SA Taman Seri Nakhoda, Mersing yang sepatutnya siap pada tahun 2011 telah terhenti pembinaannya sejak lebih setahun yang lalu. Akhbar Utusan Malaysia bertarikh 19 Ogos 2014 pula menyatakan penduduk kawasan sekitar Bandar Sri Perani, Kota Tinggi meminta pihak yang bertanggungjawab menyambung semula projek pembinaan SA Sri Perani kerana sudah lama terbiar dan telah dijadikan tempat pembuangan sampah. Selain itu, akhbar Harian Metro bertarikh 14 November 2014 menyatakan SA Taman Anggerik, SA Taman Bukit Mewah dan SA Taman Scientex, Johor Bahru menjadi tempat tinggal anjing liar, pembiakan nyamuk aedes dan mudah dicerobohi serta tidak selamat kerana pagar sekolah telah rosak. **Gambar 1.1 hingga Gambar 1.4** menunjukkan keratan akhbar Harian Metro bertarikh 18 April 2014, Utusan Malaysia bertarikh 19 Ogos 2014 dan Harian Metro bertarikh 14 November 2014.

Gambar 1.1
Laporan Akhbar Mengenai Projek Pembinaan SA Taman Seri Nakhoda, Mersing Terbengkalai



Sumber: Harian Metro
Tarikh: 18 April 2014

Gambar 1.2
Laporan Akhbar Mengenai Projek Pembinaan SA Sri Perani, Kota Tinggi Terbiar



Sumber: Utusan Malaysia
Tarikh: 19 Ogos 2014

Gambar 1.3
Laporan Akhbar Mengenai Projek Pembinaan SA Terbiar, Menjadi Sarang Anjing Dan Pembiakan Nyamuk Aedes



Sumber: Harian Metro

Tarikh: 14 November 2014

- d. **Maklum balas UPENJ bertarikh 10 November 2014** menyatakan, kelewatan pembayaran adalah berpuncanya daripada kegagalan MAINJ menjelaskan bayaran mengikut jadual yang ditetapkan. Peruntukan sebanyak 30% daripada MAINJ yang tidak diterima oleh UPENJ bagi tempoh 2 tahun telah mengakibatkan UPENJ terpaksa memohon peruntukan tambahan dari Pejabat Perbendaharaan Negeri dan bantuan dari Kumpulan Prasarana Rakyat Johor Sdn Bhd. Berdasarkan **exit conference** bertarikh 10 Disember 2014, pihak UPENJ memaklumkan bahagian dana yang sepatutnya dibiayai oleh MAINJ akan diganti dengan dana hasil usaha Kerajaan Negeri dan UPENJ melalui projek penswastaan lain. Oleh yang demikian, satu penilaian semula dan perjanjian tambahan (*supplemental agreement*) akan dibuat bagi memenuhi perubahan terkini mengenai pelaksanaan projek pembinaan SA.

Pada pendapat Audit pencapaian fizikal projek adalah tidak memuaskan kerana hanya 18 buah atau 20.7% daripada 87 buah SA telah disiapkan dan diserahkan kepada JAINJ manakala sebanyak 8 buah SA yang sepatutnya telah dimulakan pembinaannya secara berperingkat pada bulan Januari 2013 masih belum dibina. Selain itu, lanjutan masa penyiapan projek telah diberikan dalam tempoh yang lama iaitu antara 167 hari hingga 912 hari dari tempoh asal Perjanjian Projek.

1.4.1.2. Pencapaian Kewangan Projek

Berdasarkan kepada Perjanjian Projek, kos keseluruhan projek pembangunan SA adalah berjumlah RM319.04 juta. Jumlah bayaran bulanan yang perlu dijelaskan oleh UPENJ dan MAINJ berdasarkan kepada Perjanjian Projek adalah masing-masing berjumlah RM1.30 juta dan RM0.31 juta sebulan. Pembayaran tersebut perlu dijelaskan selama 180 bulan bermula pada tahun 2012 hingga 2026. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

- a. Pembayaran yang dibuat oleh UPENJ kepada MDSB tidak dilaksanakan setiap bulan di mana pembayaran bagi bulan Mei hingga Julai 2012 telah dijelaskan pada November 2012 manakala pembayaran bagi bulan Ogos hingga Disember 2012 telah

dijelaskan pada bulan Januari 2013. Antara punca UPENJ tidak dapat membuat bayaran secara konsisten adalah disebabkan kegagalan MAINJ dalam melunaskan pembayaran bulanan bermula bulan Mei 2012 hingga bulan Julai 2014 seperti mana yang dipersetujui dalam Perjanjian Projek. Pembayaran yang tidak konsisten oleh UPENJ telah menyebabkan pembiayaan daripada pihak bank kepada MDSB tertangguh dan MDSB telah mengalami kekurangan modal bagi meneruskan projek pembinaan mengikut jadual.

1.4.1.3. Tapak Bina SA Terbiar

- a. Berdasarkan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 2009, projek sakit ialah projek yang mana kemajuan pelaksanaannya telah mengalami kelewatan melebihi 2 bulan atau 20% daripada tarikh atau jadual yang ditetapkan mengikut mana yang terdahulu dan kontraktor tidak berupaya memperbaiki prestasi. Lawatan Audit ke 64 tapak pembinaan SA mendapati 36 atau 56.3% bangunan SA terbiar dan tiada pekerja di tapak pembinaan. Berdasarkan kepada Kemajuan Terperinci Projek (S-Curve), kerja pembinaan tersebut telah terhenti sejak bulan Julai 2013 dan tempoh pembinaan terbengkalai sehingga bulan Julai 2014 adalah antara 350 hingga 381 hari. Lawatan Audit juga mendapati sebanyak 20 atau 55.6% daripada 36 tapak bangunan telah didirikan struktur bangunan dan peratus kemajuan kerja sehingga Julai 2014 adalah setakat 17.7% hingga 76.3%. Selain itu, sebanyak 10 atau 27.8% masih di peringkat kerja pembinaan cerucuk dan kerja tanah, sementara sebanyak 6 atau 16.7% masih kosong dan belum didirikan bangunan. Keadaan tapak pembinaan yang terbiar dan di peringkat kerja tanah serta kerja cerucuk adalah seperti di **Gambar 1.5** hingga **Gambar 1.10**.

Gambar 1.5
Bangunan Dan Bahan Binaan Terbiar



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak SA Taman Setia Indah, Johor Bahru
Tarikh: 15 Jun 2014

Gambar 1.6



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak SA Taman Universiti 2, Johor Bahru
Tarikh: 24 Jun 2014

Gambar 1.7

Pembinaan SA Setakat Struktur Bangunan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak SA Sungai Raya, Muar
Tarikh: 17 Jun 2014

Gambar 1.8



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak SA Tanjung Serindit, Kota Tinggi
Tarikh: 17 Jun 2014

Gambar 1.9

Pembinaan SA Setakat Kerja Cerucuk



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak SA Sri Banang, Batu Pahat
Tarikh: 22 Jun 2014

Gambar 1.10



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak SA Parit Mesjid, Pontian
Tarikh: 22 Jun 2014

- b. **Maklum balas UPENJ bertarikh 10 November 2014 menyatakan, kerja pembinaan terhenti sekitar bulan Julai 2013 disebabkan MDSB/bank tidak menerima bayaran bulanan dari UPENJ. Pihak bank telah menyekat bayaran kemajuan yang dituntut oleh MDSB dan MDSB tidak dapat membuat bayaran kepada kontraktor utama. Pada asalnya, sebahagian besar kontraktor masih boleh meneruskan kerja di tapak dengan sumber kewangan sendiri. Bagaimanapun, masalah ini berlarutan dan kontraktor telah kehabisan modal pusingan.**

Pada pendapat Audit kemajuan pelaksanaan projek adalah kurang memuaskan kerana 36 atau 56.3% daripada 64 tapak pembinaan SA terbiar serta tiada pekerja di tapak dan tempoh pembinaan terbengkalai adalah antara 350 hingga 381 hari. Ini menjelaskan imej Kerajaan Negeri dan MAINJ.

1.4.1.4. Bangunan Siap Belum Diserah Dan Diduduki

- a. Menurut Perjanjian Projek, pihak kontraktor hendaklah mengeluarkan Sijil Penyiapan Praktikal (*Certificate of Practical Completion*) untuk setiap SA yang telah siap dan disahkan oleh UPENJ atau wakil Kerajaan Negeri melalui Perakuan Kemajuan Kerja. Berdasarkan kepada Status Kemajuan Kerja MDSB, terdapat 12 buah sekolah yang dalam proses serahan. Lawatan Audit terhadap 12 buah SA tersebut mendapati sekolah tersebut belum siap sepenuhnya dan status penyiapan adalah antara 64.7% hingga 98%. Selain itu, sekolah tersebut telah mengalami pelbagai kerosakan seperti kecurian pendawaian elektrik, retakan di lantai bilik darjah dan longkang, bumbung bocor serta kawasan bangunan ditumbuhi semak. Keadaan kerosakan yang berlaku adalah seperti di **Gambar 1.11** dan **Gambar 1.12**.

Gambar 1.11
Siling Gantung Rosak Dan Kabel Elektrik
Dicuri



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SA Mutiara Rini, Johor Bahru
Tarikh: 24 Jun 2014

Gambar 1.12
Kabel Elektrik Dicuri



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SA Taman Bukit Siput, Segamat
Tarikh: 26 Jun 2014

- b. **Maklum balas UPENJ bertarikh 10 November 2014 menyatakan, 12 buah sekolah dalam proses serahan adalah berdasarkan kepada kemajuan fizikal melebihi 90% yang berpotensi untuk serahan pada waktu terdekat atau bagi sekolah yang ada keperluan mendesak. Bagaimanapun, baki kerja tidak dapat disiapkan kerana masalah bayaran daripada pihak UPENJ dan masalah kewangan MDSB.**
- c. Pihak Audit juga mendapati bekalan perabot telah dihantar ke 4 buah sekolah yang belum siap sepenuhnya iaitu SA Sri Pulai, Pontian, SA Seri Gading, Batu Pahat, SA Sri Yong Peng, Batu Pahat dan SA Kg. Raja, Muar. Berdasarkan kepada S-Curve, status penyiapan sekolah yang terlibat adalah antara 93.3% hingga 97.8% dan antara kemudahan yang belum siap dibina adalah seperti tandas dan jalan masuk utama ke sekolah. Semakan lanjut Audit mendapati bekalan pejabat yang terawal telah dihantar pada sekolah yang terlibat adalah pada bulan Jun 2012 dan yang terakhir adalah pada bulan Mac 2013 dengan kos berjumlah RM212,858. Butiran lengkap adalah seperti di **Jadual 1.2**. Antara bekalan perabot yang telah dihantar dan dipasang adalah seperti alat penyaman udara, pembesar suara, kerusi, meja dan rak buku. **Gambar 1.13** hingga **Gambar 1.18** menunjukkan longgokan batu yang belum

dibersihkan, tandas dan jalan masuk utama ke sekolah belum disiapkan, perabot yang telah dihantar dan dipasang serta perabot yang rosak.

Jadual 1.2
Butiran Dan Tarikh Penghantaran Peralatan Mengikut Sekolah

Bil.	Sekolah Agama	Peratus Kemajuan Kerja (Fizikal)	Jenis Bekalan	Kos Peralatan (RM)	Tarikh Bekalan Peralatan Dihantar
1	Sri Pulai, Pontian,	97.4	Peralatan pejabat dan kerusi serta meja murid	43,563	22 Jun 2012
			Meja lipat berserta bangku tempat duduk (kantin)	6,720	20 Jun 2012
2	Seri Gading, Batu Pahat	97.8	Peralatan pejabat dan kerusi serta meja murid	55,369	4 Mac 2013
			Meja lipat berserta bangku tempat duduk (kantin)	6,720	13 Jun 2012
			Alat penyaman udara	6,900	-
3	Sri Yong Peng, Batu Pahat	93.3	Peralatan pejabat dan kerusi serta meja murid	43,563	11 Mac 2013
4	Kg. Raja, Muar	95.1	Peralatan pejabat dan kerusi serta meja murid	43,303	13 Jun 2012
			Meja lipat berserta bangku tempat duduk (kantin)	6,720	13 Jun 2012
Jumlah Keseluruhan				212,858	

Sumber: ITSB

Gambar 1.13
Longgokan Batu Belum Dibersihkan Dan Tandas Belum Disiapkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SA Seri Gading, Batu Pahat
Tarikh: 23 Jun 2014

Gambar 1.14
Jalan Masuk Dalam Pembinaan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SA Kampung Raja, Muar
Tarikh: 17 Jun 2014

Gambar 1.15
Rak Buku Yang Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SA Sri Pulai, Pontian
Tarikh: 22 Jun 2014

Gambar 1.16
Kesan Kebocoran Bumbung



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SA Kampung Raja, Muar
Tarikh: 17 Jun 2014

Gambar 1.17
Bekalan Kelengkapan Pejabat Yang Telah Dipasang Dan Dihantar Ke Sekolah Yang Belum Beroperasi



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SA Seri Gading, Batu Pahat
Tarikh: 23 Jun 2014



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SA Seri Yong Peng, Batu Pahat
Tarikh: 23 Jun 2014

- d. Keadaan bangunan SA yang telah hampir siap tetapi tidak disenggara boleh menjelaskan imej Kerajaan Negeri dan menyebabkan pertambahan kos bagi membaiki kerosakan yang berlaku. Petikan akhbar Berita Harian dan Harian Metro bertarikh 30 Jun 2014 memaparkan SA Parit Kassan, Ledang yang telah siap dibina tetapi belum diserahkan kerana terdapat beberapa kemudahan belum siap dibina seperti sistem paip kantin dan tandas. Keratan akhbar tersebut juga menyatakan antara sebab kerja tersebut tidak dapat dilaksanakan adalah kerana kegagalan pemaju melunaskan bayaran kerja kepada kontraktor pembinaan. **Gambar 1.19** dan **Gambar 1.20** menunjukkan keratan akhbar Berita Harian dan Harian Metro bertarikh 30 Jun 2014.

Gambar 1.19
Laporan Akhbar Mengenai SA Parit Kassan, Ledang Yang Belum Diserahkan



Sumber: Berita Harian
Tarikh: 30 Jun 2014

Gambar 1.20



Sumber: Harian Metro
Tarikh: 30 Jun 2014

- e. **Berdasarkan maklum balas UPENJ bertarikh 10 November 2014, tempahan perabot dari kilang dibuat 2 bulan sebelum tarikh jangkaan serahan bangunan berdasarkan kepada jadual perancangan pelaksanaan asal projek. Apabila berlaku kelewatian penyiapan, perabot terpaksa dihantar ke tapak kerana pihak kilang tiada ruang simpanan yang mencukupi. Bagaimanapun, tempahan perabot hanya dibuat bagi sekolah fasa 1 sahaja.**

Pada pendapat Audit penghantaran bekalan perabot ke sekolah yang belum disiapkan suatu pembaziran kerana tidak digunakan dalam tempoh yang lama dan telah mengalami kerosakan.

1.4.2. Pengurusan Pembinaan

1.4.2.1. Pelantikan Pemaju Secara Rundingan Terus

- a. **Pelantikan Kontraktor Yang Tidak Berpengalaman**

Hanya kontraktor yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dalam kelas pendaftaran dan mempunyai kepala dan sub kepala pendaftaran yang tertentu sahaja layak menyertai sesuatu tender. MDSB telah dilantik secara rundingan terus pada 4 Ogos 2010 melalui keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor (MMK) bertarikh 21 Julai 2010 untuk melaksanakan Cadangan Pembiayaan, Mereka Bentuk, Membina Dan Menyiapkan 96 Unit Bangunan Sekolah Agama. MDSB mempunyai modal berbayar berjumlah RM5 juta dan telah melantik ITSB sebagai kontraktor pembinaan utama yang merupakan kontraktor Gred 7 dengan sub kategori B04 iaitu Kerja Am Bangunan dan CE21 iaitu Kerja Am Kejuruteraan Awam. Berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada CIDB, pihak Audit mendapati MDSB dan ITSB tidak mempunyai pengalaman dalam projek pembinaan bangunan berskala besar. Selain itu, rekod profil pendaftaran CIDB bagi ITSB hanya bermula pada 7 Mac 2012.

Pada pendapat Audit pelantikan kontraktor adalah kurang memuaskan kerana kontraktor yang dilantik tiada pengalaman dalam projek pembinaan bangunan berskala besar.

b. Perjanjian Lewat Ditandatangani

Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 menetapkan kontrak perlu ditandatangani dalam tempoh 4 bulan selepas Surat Setuju Terima dikeluarkan. Semakan Audit mendapati Surat Setuju Terima telah dihantar oleh MDSB pada 6 Ogos 2010 tetapi perjanjian hanya ditandatangani pada 13 April 2011 iaitu lewat selama 128 hari dari tempoh 4 bulan perjanjian sepatutnya ditandatangani. **Maklum balas UPENJ bertarikh 10 November 2014 menyatakan, tempoh bagi penyediaan dan menandatangani perjanjian mengambil masa hampir 9 bulan kerana melibatkan peruntukan kewangan yang besar serta memerlukan perbincangan, penelitian dan semakan semula daripada Y.B. Penasihat Undang-undang Negeri Johor.**

c. Kerosakan Dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan Bagi Sekolah Yang Telah Diserah Tidak Dibaiki

Tempoh tanggungan kecacatan (*Defect Liability Period*) hendaklah sekurang-kurangnya 12 bulan daripada tarikh siap kerja yang dinyatakan di dalam Perakuan Siap Kerja. Dalam tempoh tersebut, kontraktor kerja hendaklah memperbaiki apa-apa kecacatan ke atas kerja yang telah disiapkan dengan kosnya sendiri apabila terdapat aduan mengenainya. Sekiranya kontraktor gagal membaiki kecacatan dalam tempoh yang ditetapkan, perbelanjaan yang dikenakan bagi pembaikan sebarang kecacatan hendaklah dituntut daripada wang jaminan pelaksanaan. Lawatan Audit ke 18 buah SA yang telah diduduki/digunakan mendapati sebanyak 214 kerosakan telah direkodkan dan dilaporkan kepada MDSB. Bagaimanapun, hanya 18 atau 8.4% daripada 214 kerosakan telah dibaiki manakala 196 atau 91.6% kerosakan lagi belum diambil tindakan. Selain itu, terdapat juga kerosakan yang telah dibaiki oleh pihak sekolah sendiri kerana tindakan pembaikan tidak dilakukan oleh MDSB. Tempoh kerosakan tidak dibaiki adalah antara 116 hingga 502 hari dari tarikh laporan dibuat hingga bulan Julai 2014. Antara aduan kerosakan yang dilaporkan oleh pihak pentadbir SA adalah seperti kerosakan lantai bilik darjah, keretakan longkang, masalah sistem pendawaian elektrik, bumbung bocor dan kesan resapan air pada siling, siling gantung mudah tertanggal, masalah tandas, premix kurang berkualiti dan kerosakan perabot (kerusi dan meja di bilik darjah dan kantin) seperti di **Gambar 1.21** dan **Gambar 1.22**.

Gambar 1.21
Kerusi Dan Meja Yang Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: SA Dato' Hj. Abd. Rahman Ahmad, Johor Bahru

Tarikh: 15 Jun 2014

Gambar 1.22
Premix Hancur/Rosak Dalam Longkang



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: SA Taman Anggerik, Kota Tinggi

Tarikh: 17 Jun 2014

Pada pendapat Audit, kegagalan pihak kontraktor membaiki kerosakan yang dilaporkan menunjukkan aspek pemantauan projek yang lemah.

d. Denda Ganti Rugi Tertentu Dan Ditetapkan Tidak Dikenakan

- i. Kerugian atau kerosakan yang dialami oleh Kerajaan boleh didapatkan kembali daripada kontraktor melalui pengenaan ganti rugi tertentu dan ditetapkan atau *Liquidated Ascertained Damages* (LAD) apabila penyiapan kerja terlambat atau sebab kelambatan tidak membentarkan lanjutan masa. Perakuan Kerja Tak Siap perlu dikeluarkan bagi maksud mengenakan LAD. Mengikut Perjanjian Projek, LAD boleh dikenakan ke atas kontraktor atas kegagalan menyiapkan kerja dalam tempoh masa yang ditetapkan dan perkiraan denda yang dikenakan adalah atas *day to day basis* pada kadar 8% setahun. Semakan Audit mendapati Perakuan Kerja Tidak Siap tidak dikeluarkan oleh pihak UPENJ walaupun permohonan lanjutan masa oleh MDSB telah lewat dihantar sehingga 645 hari. Oleh yang demikian, LAD tidak boleh dikutip daripada MDSB dan anggaran LAD yang sepatutnya dikenakan mengikut fasa pembangunan adalah berjumlah RM2.35 juta seperti di **Jadual 1.3**.

Jadual 1.3
Anggaran LAD Yang Perlu Dikenakan Mengikut Fasa Pembangunan

Bil.	Fasa Pembangunan	Kos Pembangunan (RM Juta)	Jangkaan Masa Siap	Kelewatan Hingga Lanjutan Masa Pertama Pada 19 Februari 2013 (Hari)	Jumlah LAD Yang Tidak Dikutip (RM Juta)
1	Fasa 1	58.74	September 2011	645	2.06
2	Fasa 2	61.20	Disember 2011	-	-
3	Fasa 3	49.85	Mac 2012	90	0.17
4	Fasa 4	53.02	Jun 2012	194	0.12
Jumlah Keseluruhan					2.35

Sumber: UPENJ

Nota: Kiraan Kos LAD Adalah Berdasarkan Kepada Kos Kontrak Mengikut Setiap Projek Dan Kelewatan Hari Yang Dicatatkan Adalah Kiraan Hari Yang Tertinggi Mengikut Fasa Dan Projek.

- ii. **Maklum balas UPENJ bertarikh 10 November 2014** menyatakan, tindakan untuk mengeluarkan Perakuan Kerja Tidak Siap dan mengenakan LAD kepada MDSB akan dilaksanakan sekiranya kerja masih tidak dapat disiapkan setelah tamat tempoh lanjutan masa yang ketiga (UPENJ masih dalam peringkat mendapatkan kelulusan Kerajaan Negeri). Tindakan LAD akan dikenakan terhadap MDSB selepas lanjutan masa ketiga kerana sepanjang tempoh lanjutan masa pertama sehingga kepada lanjutan masa ketiga, sebahagian besar masalah adalah berpunca daripada masalah tapak yang tidak selesai dan tunggakan bayaran kepada MDSB.

Pada pendapat Audit kegagalan UPENJ mengeluarkan Perakuan Kerja Tidak Siap telah menyebabkan LAD berjumlah RM2.35 juta tidak dapat dikenakan dan dikutip daripada MDSB.

1.4.3. Kualiti Pembinaan


1.4.3.1. Reka Bentuk Yang Tidak Sesuai Dan Tidak Praktikal

Semasa reka bentuk perincian disediakan adalah penting untuk memastikan tugas pereka bentuk dari pelbagai sudut diselaraskan. Setiap kerja pembinaan hendaklah dilaksanakan dengan kemas dan pada tahap piawaian yang diterima pakai supaya bangunan yang dibina boleh digunakan secara optimum, selamat dan kondusif. Lawatan Audit mendapati beberapa pemasangan dan pembinaan yang tidak sesuai dilaksanakan di sekolah seperti *distribution board* diletakkan di kawasan laluan, dalam bilik darjah dan di belakang pentas, alat pembesar suara diletakkan dalam bilik guru, mempunyai ruang terbuka di tandas (*void*) dan arah kiblat menghadap tempat wuduk. Butiran lanjut sekolah yang terlibat adalah seperti di **Jadual 1.4**. Ini adalah kerana perbincangan reka bentuk, pembinaan dan pemasangan tidak dibincangkan dengan teliti antara UPENJ, MDSB dan JAINJ. Keadaan ini akan menyebabkan pertambahan kos kepada Kerajaan/MDSB untuk membaiki dan membetulkan semula kesilapan/ketidaksesuaian tersebut.

Jadual 1.4
Senarai Kerja Pemasangan Dan Pembinaan Yang Tidak Sesuai Mengikut Sekolah

Bil.	Penemuan Audit	Sekolah Agama
1	<i>Distribution board</i> sebelah papan putih dalam bilik darjah/di kawasan laluan seperti di Gambar 1.23 .	1. Bukit Kangkar, Ledang
2	Ruang terbuka di tandas (<i>void</i>) seperti di Gambar 1.24 .	1. Bandar Penawar, Kota Tinggi 2. Kota Kulai 2, Kota Tinggi 3. Padang Sari, Batu Pahat 4. Parit Semo, Batu Pahat 5. Seri Gading, Batu Pahat 6. Labis, Segamat
3	Bilik <i>distribution board</i> di belakang pentas.	1. Parit Semo, Batu Pahat
4	Salur najis di atas kantin.	1. Pogoh, Segamat
5	<i>Exhaust fan</i> dipasang di luar tandas seperti di Gambar 1.25 .	1. Pulai Perdana, Johor Bahru
6	Arah kiblat menghadap tempat wuduk.	1. Tanjung Air Hitam, Pontian
7	Suis elektrik dipasang terlalu hampir dengan punca air (tempat mengambil wuduk) seperti di Gambar 1.26 .	1. Dato Hj. Abd. Rahman Ahmad, Johor Bahru 2. Tanjung Air Hitam, Pontian
8	Tangki dan rumah pam najis berdekatan kantin seperti di Gambar 1.27 .	1. Sri Pulai, Pontian

Sumber: Lawatan Audit Bersama Pegawai MDSB



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SA Bukit Kangkar, Ledang
Tarikh: 18 Jun 2014



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SA Padang Sari, Batu Pahat
Tarikh: 19 Jun 2014

Gambar 1.25
Exhaust Fan Dipasang Di Laluan Masuk Tandas



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SA Pulai Perdana, Johor Bahru
Tarikh: 19 Jun 2014

Gambar 1.26
Suis Lampu Dan Kipas Dipasang Berdekatan Dengan Punca Air



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SA Tanjung Air Hitam, Pontian
Tarikh: 22 Jun 2014



Gambar 1.27
Tangki Dan Rumah Pam Najis Berdekatan Kantin

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SA Seri Pulai, Pontian
Tarikh: 22 Jun 2014

1.4.3.2. Kualiti Kerja Pembinaan Tidak Memuaskan

Kerja pembinaan perlu dilaksanakan dengan kemas serta pada tahap piawaian yang boleh diterima dan memenuhi standard kualiti. Ini adalah bagi menjamin keselamatan bangunan dan memastikan penggunaan secara optimum dapat dikekalkan secara berterusan. Antara penemuan Audit berkenaan kualiti kerja yang tidak memuaskan adalah seperti berikut:

a. Sekolah Yang Telah Diserahkan

Pemeriksaan Audit terhadap 18 buah SA yang telah diserahkan dan digunakan mendapati beberapa bahan/kerja yang dilaksanakan adalah kurang berkualiti dan tidak sempurna. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 1.5**.

Jadual 1.5
Senarai Kerja Yang Dilaksanakan Kurang Berkualiti Mengikut Sekolah

Bil.	Penemuan Audit	Sekolah Agama
1	Kemasan apron, lantai dan longkang rosak/pecah/retak seperti di Gambar 1.28 dan Gambar 1.29 .	1. Taman Anggerik, Kota Tinggi 2. Bukit Kangkar, Ledang 3. Dato' Hj. Abdul Rahman Ahmad, Johor Bahru 4. Seri Tanjung, Selulun, Batu Pahat 5. Bukit Kledang, Segamat
2	Sambungan paip air buangan dari sinki ke lurang tersumbat seperti di Gambar 1.30 dan Gambar 1.31 .	1. Dato' Hj. Abdul Rahman Ahmad, Johor Bahru
3	Ramp dibina terlalu curam dan tiada <i>handrail</i> di tandas orang kurang upaya (OKU) seperti di Gambar 1.32 .	1. Padang Sari, Batu Pahat 2. Tanjung Air Hitam, Pontian
4	Bumbung bocor dan terdapat kesan resapan air pada permukaan bawah lantai seperti di Gambar 1.33 .	1. Dato' Hj. Abdul Rahman Ahmad, Johor Bahru 2. Bukit Banjar, Ledang
5	Lantai di bilik <i>distribution board</i> tidak dilepa dengan konkrit (ditimbul dengan batu kerikil) seperti di Gambar 1.34 .	1. Seri Tanjung, Selulun, Batu Pahat 2. Padang Sari, Batu Pahat
6	Siling tertanggal di koridor, tangga dan kelas seperti di Gambar 1.35 .	1. Dato' Hj. Abdul Rahman Ahmad, Johor Bahru 2. Bukit Banjar, Ledang 3. Seri Tanjung, Selulun, Batu Pahat 4. Taman Mount Austin, Johor Bahru

Sumber: Jabatan Audit Negara Dan MDSB

Gambar 1.28
Kerosakan Lantai Bilik Darjah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SA Taman Anggerik, Kota Tinggi
Tarikh: 17 Jun 2014

Gambar 1.29
Retakan Di Kaki Lima Dan Longkang Perimeter Bangunan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SA Padang Sari, Batu Pahat
Tarikh: 19 Jun 2014

Gambar 1.30
Sambungan Paip Air Buangan Dari Sinki Ke Lurang Tersumbat Dan Sisa Air Buangan Dialirkan Ke Dalam Longkang Perimeter Bangunan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SA Dato' Hj. Abd. Rahman Ahmad, Johor Bahru
Tarikh: 15 Jun 2014

Gambar 1.32
Ramp Dibina Curam Di Pintu Tandas OKU



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SA Padang Sari, Batu Pahat
Tarikh: 19 Jun 2014

Gambar 1.31
Kesan Resapan Air Pada Permukaan Bawah Lantai



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SA Dato' Hj. Abd. Rahman Ahmad, Johor Bahru
Tarikh: 15 Jun 2014

Gambar 1.34
Lantai Di Bilik Distribution Board Ditimbus Dengan Batu Kerikil



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SA Padang Sari, Batu Pahat
Tarikh: 19 Jun 2014

Gambar 1.35
Siling Gantung Tertanggal



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SA Dato' Hj. Abd. Rahman Ahmad, Johor Bahru
Tarikh: 15 Jun 2014

b. Bangunan Sekolah Dalam Pembinaan

- i. Mengikut Spesifikasi Standard JKR Malaysia Bagi Kerja Bangunan Tahun 2014, Perenggan 3.1.7., tetulang (*exmet*) perlu dipasang pada dinding blok pada setiap lapisan keempat batu bata bermula pada lapisan kedua daripada aras lantai untuk menguatkannya. Manakala Perenggan 3.7.2. menyatakan pengukuh konkrit bertetulang (*stiffener*) hendaklah dibina di setiap sekurang-kurangnya 3 meter secara menegak dan mendatar untuk mengukuhkan batu-bata. Lawatan Audit terhadap 9 tapak pembinaan sekolah yang mempunyai dinding batu bata belum dilepa dengan simen sepenuhnya mendapat 6 atau 66.7% SA yang telah mempunyai dinding bata tetapi tiang peneguh (*stiffener*) tidak dibina, 2 atau 22.2% SA mempunyai tetulang pengukuh (*starter bar*) yang tidak disimen ke dalam lapisan bata dan 2 atau 22.2% SA yang tidak dipasang dengan *exmet* pada lapisan batu bata. Butiran lanjut sekolah yang terlibat adalah seperti di **Jadual 1.6**.

Jadual 1.6

Senarai SA Yang Tidak Mempunyai *Stiffener* Dan *Exmet* Pada Binaan Dinding Batu Bata

Bil.	Penemuan Audit	Sekolah Agama
1	<i>Stiffener</i> tidak dipasang bagi lepaan dinding melebihi 3 meter dan pemasangan <i>stiffener</i> yang tidak sempurna seperti di Gambar 1.36 dan Gambar 1.37 .	1. Parit Bingan, Batu Pahat 2. Sri Jasa Sepakat, Batu Pahat 3. Taman Bukit Perdana, Batu Pahat 4. Taman Setia Indah, Johor Baru 5. Jaya Mulia, Pontian 6. Bandar Endau, Mersing
2	Batu bata dipasang tidak selari dengan tetulang pengukuh seperti di Gambar 1.38 .	1. Parit Bingan, Batu Pahat 2. Sri Jasa Sepakat, Batu Pahat
3	<i>Exmet</i> tidak dipasang antara jarak setiap 4 keping batu bata seperti di Gambar 1.39 .	1. Taman Pelangi, Segamat 2. Sri Jasa Sepakat, Batu Pahat

Sumber: Lawatan Audit bersama pegawai MDSB

Nota: Penemuan Audit Hanya Berdasarkan Pada Tapak Pembinaan Yang Mempunyai Dinding Batu Bata Yang Belum Dilepa

Gambar 1.36
Tiada Stiffener Pada Lepaan Melebihi 3 Meter Panjang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SA Sri Jasa Sepakat, Batu Pahat
Tarikh: 19 Jun 2014

Gambar 1.37
Stiffener Belum Dibina



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SA Parit Bingan, Batu Pahat
Tarikh: 23 Jun 2014

Gambar 1.38
Tetulang Pengukuh Tidak Disimen Ke Dalam Lapisan Batu Bata



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SA Parit Bingan, Batu Pahat
Tarikh: 23 Jun 2014

Gambar 1.39
Pembinaan Dinding Batu Bata Tanpa Lapisan Tetulang (*Exmet*)



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SA Sri Jasa Sepakat, Batu Pahat
Tarikh: 19 Jun 2014

- ii. Berdasarkan kepada lukisan pembinaan (*construction drawing*), tangki air perlu diletakkan di bawah kerangka bumbung di bahagian yang mempunyai *reinforcement slab*. Lawatan Audit ke 7 buah SA yang sedang dalam pembinaan mendapati beberapa perkara tidak teratur dalam proses pembinaan yang telah dilaksanakan seperti kerangka bumbung (*trusses*) telah dipasang tetapi tangki air belum diletakkan seperti di **Gambar 1.40**. SA yang terlibat adalah SA Taman Seri Nakhoda, Mersing, SA Sri Perani, Kota Tinggi, SA Sinarah Chokoh dan SA Sri Semangat, Pontian, SA Taman Setia Indah, Johor Bahru, SA Parit Bingan, Batu Pahat dan SA Jorak, Muar. Pemantauan daripada pegawai yang bertanggungjawab tidak dilaksanakan semasa *trusses* dipasang akan menyebabkan berlakunya pertambahan kos kerana *trusses* perlu dibuka semula bagi membolehkan tangki air dipasang.



Gambar 1.40
Tiada Tangki Air Di Bawah
Kerangka Bumbung

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak SA Sri Perani, Kota Tinggi
Tarikh: 17 Jun 2014

- iii. Berdasarkan spesifikasi dalam lukisan pembinaan (*construction drawing*), pembinaan dinding hadapan tandas di SA Sri Jasa Sepakat, Batu Pahat perlu menggunakan batu bata tanah liat. Lawatan Audit mendapati dinding telah dibina menggunakan batu bata pasir seperti di **Gambar 1.41**. Selain itu, lawatan Audit juga mendapati pembinaan dinding di SA Taman Pelangi, Segamat telah menggunakan separuh batu bata tanah liat dan separuh batu bata pasir seperti di **Gambar 1.42**.

Gambar 1.41
Batu Bata Pasir Telah Digunakan Bagi
Membina Dinding



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SA Sri Jasa Sepakat, Batu Pahat
Tarikh: 19 Jun 2014

Gambar 1.42
Dinding Bangunan Dibina Separuh Batu
Bata Pasir Dan Separuh Batu Bata Tanah
Liat



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SA Taman Pelangi, Segamat
Tarikh: 24 Jun 2014

- iv. Pemasangan pagar pengadang (*hoarding*) di sepanjang sempadan kawasan pembangunan adalah perlu bagi tujuan keselamatan serta mengelakkan pelajar daripada memasuki kawasan pembinaan. Lawatan Audit mendapati 5 tapak pembinaan yang berdekatan dengan SA sedia ada tidak mempunyai *hoarding* seperti di **Gambar 1.43** dan **Gambar 1.44**. SA yang terlibat adalah SA Labis, Segamat, SA Bandar Endau, Mersing, SA Sungai Raya, SA Tun Dr. Ismail dan SA Sarang Buaya, Muar.

Gambar 1.43
Tiada Hoarding Antara Kawasan Pembinaan Dengan Sekolah Sedia Ada



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SA Labis, Segamat
Tarikh: 25 Jun 2014

Gambar 1.44



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SA Sarang Buaya, Muar
Tarikh: 18 Jun 2014

c. Kerja Mekanikal Dan Elektrikal

Kerja mekanikal adalah kerja yang antaranya melibatkan sistem penyaman udara dan pengudaraan, sistem pencegahan kebakaran, sistem paip air dalaman dan sanitasi. Kerja elektrikal pula adalah kerja yang antaranya melibatkan sistem voltan tinggi, sistem voltan rendah, sistem siaraya, sistem telekomunikasi dan sistem ICT. Lawatan Audit terhadap 18 SA yang telah diserahkan dan telah diduduki mendapati antara beberapa kelemahan dalam hasil kerja mekanikal dan elektrikal adalah seperti di **Jadual 1.7**.

Jadual 1.7
Senarai Kerja Mekanikal Dan Elektrikal Yang Kurang Memuaskan Mengikut Sekolah

Bil.	Penemuan Audit	Sekolah Agama
1	Tiada lukisan skematik dan tanda amaran bahaya pada suis utama seperti di Gambar 1.45 .	1. Bukit Banjar, Ledang 2. Bukit Kangkar, Ledang 3. Taman Pagoh Jaya, Muar 4. Padang Sari, Batu Pahat 5. Seri Tanjung, Selulun, Batu Pahat 6. Bukit Kledang, Segamat 7. Pogoh, Segamat 8. Belukar Juling, Mersing 9. Taman Anggerik, Johor Bahru 10. Taman Kluang Barat, Kluang 11. Tanjung Air Hitam, Pontian 12. Taman Kota Kulai 2, Kulaijaya 13. Bandar Putra, Kulaijaya 14. Taman Mount Austin, Johor Bahru 15. Taman Molek, Johor Bahru 16. Taman Megah Ria, Johor Bahru 17. Dato' Hj. Abdul Rahman Ahmad, Johor Bahru 18. Taman Pulai Perdana, Johor Baru
2	Notis "DILARANG MASUK", "BAHAYA" dan "DILARANG MEROKOK" tidak dilekatkan pada pintu bilik suis dan bilik pam.	
3	Kipas dipasang berdekatan dengan <i>beam</i> dan terdapat kipas yang bengkok seperti di Gambar 1.46 .	
4	Pemadam api tidak di bekalkan di SA Taman Molek, Johor Bahru dan pemadam api telah tamat tempoh bagi 17 buah sekolah yang telah diserahkan.	
5	Lampu tidak diikat di <i>trusses</i> * seperti di Gambar 1.47 .	1. Padang Sari, Batu Pahat 2. Seri Tanjung, Selulun, Batu Pahat 3. Pogoh, Segamat 4. Dato' Hj. Abdul Rahman Ahmad, Johor Bahru
6	Suis tidak dipasang dengan sempurna seperti di Gambar 1.48 .	1. Taman Kluang Barat, Kluang 2. Dato' Hj. Abdul Rahman Ahmad, Johor Bahru
7	Kabel bumi tidak dipateri dengan sempurna seperti di Gambar 1.49 .	1. Padang Sari, Batu Pahat 2. Seri Tanjung, Selulun, Batu Pahat 3. Bukit Kledang, Segamat 4. Belukar Juling, Mersing 5. Taman Kluang Barat, Kluang 6. Tanjung Air Hitam, Pontian 7. Taman Kota Kulai 2, Kulaijaya 8. Taman Mount Austin, Johor Bahru 9. Taman Molek, Johor Bahru 10. Taman Megah Ria, Johor Bahru 11. Dato' Hj. Abdul Rahman Ahmad, Johor Bahru 12. Taman Pulai Perdana, Johor Bahru

Sumber: Jabatan Audit Negara Dan MDSB

* Nota: Semakan Audit Hanya Dapat Dilaksanakan Bagi Sekolah Yang Mempunyai Kelengkapan Tangga

Gambar 1.45
Tiada Tanda Amaran Bahaya Pada Suis Utama



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SA Kota Kulai 2, Kulaijaya
Tarikh: 23 Jun 2014

Gambar 1.46
Kipas Dipasang Hampir Dengan Rasuk Dan Bengkok



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SA Taman Kluang Barat, Kluang
Tarikh: 18 Jun 2014

Gambar 1.47
Lampu Tidak Diikat Di Trusses



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SA Dato' Hj. Abd. Rahman Ahmad, Johor Bahru
Tarikh: 15 Jun 2014



Gambar 1.48
Suis Tidak Dipasang Sempurna



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SA Taman Kluang Barat, Kluang
Tarikh: 18 Jun 2014

Gambar 1.49
Kabel Bumi Tidak Sempurna



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SA Pulai Perdana, Johor Bahru
Tarikh: 24 Jun 2014

1.4.3.3. Pemantauan tidak dapat dilaksanakan disebabkan UPENJ hanya mempunyai seorang penolong juruteknik (ukur bahan) berstatus kontrak bagi menyelia projek pembinaan 96 buah SA. Pihak UPENJ hanya bertindak sebagai penyelaras bagi projek pembinaan dan telah melantik sebuah syarikat konsultan ukur bahan sebagai Perunding Teknikal Kerajaan. Bagaimanapun, perunding yang dilantik hanya berperanan bagi menyemak dan mengesahkan kuantiti dan nilai harga komponen pembangunan agar tidak melebihi kos pembangunan yang telah ditetapkan dan bukannya memantau keseluruhan pengurusan projek.

1.4.3.4. Sehingga tarikh *exit conference* di adakan pada bulan Disember 2014, kesemua kecacatan dan kerosakan yang ditemui masih belum diambil tindakan pembetulan oleh pihak kontraktor dan MDSB.

Pada pendapat Audit pemantauan terhadap kerja kontraktor adalah kurang memuaskan menyebabkan terdapat pemasangan yang tidak sempurna dan pembinaan tidak mengikut spesifikasi.

1.5. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan, adalah disyorkan supaya UPENJ mempertimbangkan tindakan seperti berikut:

1.5.1. UPENJ hendaklah tegas dalam menguatkuasakan syarat kontrak dan mengambil tindakan terhadap MDSB ke atas sebarang pelanggaran syarat kontrak.

1.5.2. UPENJ hendaklah mewujudkan sistem pemantauan pelaksanaan projek yang kemas supaya kemajuan kerja MDSB dapat dipantau dan dilaksanakan mengikut spesifikasi serta berkualiti.

1.5.3. UPENJ perlu mempertimbangkan untuk melantik *Project Management Consultant* (PMC) bagi memastikan projek dapat dilaksanakan dengan lebih lancar dan teratur.

JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR

2. PENGURUSAN BEKALAN MAKANAN BERMASAK KE ASRAMA SEKOLAH MENENGAH AGAMA KERAJAAN JOHOR

2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Bekalan makanan bersih dan berkualiti adalah penting kepada pelajar di sekolah berasrama. Pengurusan bekalan makanan ke sekolah berasrama perlu dilakukan dengan baik mengikut peraturan yang ditetapkan bagi menjamin kualiti makanan yang disediakan adalah baik dan bersesuaian untuk pelajar. Sebanyak 2 buah sekolah menengah agama di Negeri Johor di bawah kelolaan Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ) iaitu Sekolah Menengah Agama Maahad Johor (Maahad Johor) dan Sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor, Kluang (SMAKJ Kluang). Jumlah pelajar di kedua-dua sekolah tersebut pada bulan Mei 2014 adalah seramai 3,528 pelajar. Kesemua pelajar yang tinggal di asrama di kedua-dua buah sekolah menengah agama berkenaan adalah layak untuk menerima bekalan makanan bermasak.

2.1.2. Kerajaan Negeri melalui JAINJ membiayai kontrak membekalkan makanan bermasak di asrama sekolah menengah agama. Kontrak ini akan diperbaharui setiap 2 tahun sekali. Bagi tahun 2011 hingga 2012, nilai kontrak bekalan makanan bermasak bagi kedua-dua buah sekolah menengah agama tersebut adalah berjumlah RM3.23 juta manakala bagi tempoh 2013 hingga 2015 adalah berjumlah RM4.32 juta dengan anggaran 1,100 bilangan pelajar seperti di **Jadual 2.1**.

Jadual 2.1
Nilai Kontrak Bekalan Makanan Bermasak Dan Anggaran Bilangan Pelajar Asrama
Bagi Tempoh 2011 Hingga 2015

Bil.	Nama Sekolah	Tempoh Kontrak	Nilai Kontrak (RM Juta)	Purata Harga Siling Makanan (RM Per Pelajar)	Anggaran Bilangan Pelajar Asrama
1	Maahad Johor	12 Mac 2011 – 31 Disember 2012	1.44	6.00	500
		1 Ogos 2013 – 31 Julai 2015	2.04	8.50	
2	SMAKJ Kluang	12 Mac 2011 – 31 Disember 2012	1.79	6.20	600
		1 Ogos 2013 – 31 Julai 2015	2.28	7.90	

Sumber: JAINJ

2.1.3. Perbelanjaan bekalan makanan bermasak bagi 2 buah sekolah menengah agama berkenaan adalah berjumlah RM1.40 juta pada tahun 2012. Perbelanjaan ini meningkat kepada RM1.61 juta pada tahun 2013 dan sehingga Ogos 2014, jumlah perbelanjaan adalah sejumlah RM1.19 juta. Harga siling bagi membekalkan makanan bermasak kepada seorang pelajar ialah antara RM6.00 hingga RM6.20 sehari bagi tempoh kontrak tahun 2011 hingga 2012 dan RM7.90 hingga RM8.50 sehari bagi tempoh kontrak tahun 2013 hingga 2015.

2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan bekalan makanan bermasak ke asrama Maahad Johor dan SMAKJ Kluang telah diuruskan dengan cekap, berkesan dan mematuhi peraturan ditetapkan.

2.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi kontrak bagi tahun 2012 hingga 2014. Pengauditan dijalankan di JAINJ, Bahagian Pendidikan serta 2 buah sekolah iaitu Maahad Johor dan SMAKJ Kluang. Kaedah pengauditan dilaksanakan dengan menyemak perjanjian kontrak, rekod kewangan serta dokumen pengurusan bekalan makanan bermasak berkaitan di JAINJ dan di kedua-dua sekolah terlibat. Lawatan ke sekolah menengah agama dan temu bual dengan kontraktor bekalan makanan bermasak, penyelia asrama, guru-guru serta para pelajar turut dilakukan. Selain itu, borang soal selidik juga telah diedarkan kepada pelajar di kedua-dua sekolah yang terlibat bagi menilai perkhidmatan yang diberikan. *Exit conference* bersama Timbalan Pengarah Pengurusan JAINJ, Pengetua Maahad Johor dan SMAKJ Kluang serta pegawai kanan JAINJ telah diadakan pada 2 Oktober 2014.

2.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dilaksanakan antara bulan Mei hingga Julai 2014 mendapati pemilihan kontraktor bagi membekalkan makanan bermasak ke 2 buah asrama sekolah menengah agama di Maahad Johor dan SMAKJ Kluang adalah memuaskan kerana telah dilaksanakan secara tender terbuka oleh JAINJ mengikut prosedur kewangan yang ditetapkan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan bekalan makanan bermasak seperti yang dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti di bawah:

- Menu makanan ditukar tanpa kelulusan.
- Penyelia asrama tidak memeriksa bekalan makanan yang dihantar/disediakan oleh kontraktor.
- Kebersihan dan keselamatan di dewan makan kurang memuaskan.
- Pengurusan bayaran bekalan makanan bermasak kurang memuaskan.

2.4.1. Prestasi Pengurusan Perkhidmatan Bekalan Makanan Bermasak

2.4.1.1. Pengurusan Menu Makanan

a. Menu Sajian Asal Ditukar Dan Dikurangkan Tanpa Kelulusan JAINJ

- i. Menu sajian dan sukatan makanan yang disediakan di sekolah mengambil kira keperluan bagi seorang murid berdasarkan saranan Pengambilan Nutrien Malaysia yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran atas saranan

Kementerian Kesihatan yang mana keperluan adalah di antara 2,000 hingga 2,600 kilokalori sehari. Kontraktor di kedua-dua buah sekolah hendaklah menyediakan menu sajian kepada pelajar mengikut kontrak yang ditandatangani dengan Kerajaan Negeri. Mengikut kontrak, klausa 10.1, sebarang perubahan atau modifikasi terhadap perkhidmatan hendaklah dibuat dengan persetujuan bertulis Kerajaan Negeri.

- ii. Semakan Audit di SMAKJ Kluang mendapati kontraktor telah menukar dan mengurangkan menu sajian asal yang ditetapkan tanpa mengubah harga kontrak selepas mendapat persetujuan bersama dengan pihak sekolah pada September 2013. Penukaran dan pengurangan menu sajian dibuat tanpa kelulusan JAINJ. Sebanyak 24 menu makan tengah hari dan makan malam setiap bulan telah dikurangkan daripada 2 lauk berat kepada satu lauk berat sahaja dengan harga kontrak asal. Pengurangan menu telah mengakibatkan berat kuantiti makanan yang diambil bagi seorang pelajar berkurangan di antara 60 hingga 170 gram sehari.
- iii. Semakan Audit mendapati walaupun sesalinan pertukaran menu sajian berkenaan telah diterima di peringkat Jabatan, namun tiada apa-apa tindakan diambil oleh pihak Jabatan terhadap pertukaran menu sajian tersebut. Oleh itu, pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada pertukaran atau modifikasi menu sajian yang telah diguna pakai oleh kontraktor menepati keperluan nutrisi makanan bagi setiap pelajar. **Jadual 2.2** adalah contoh pertukaran menu sajian yang telah ditukar dan dikurangkan tanpa kelulusan JAINJ.

Jadual 2.2
Pertukaran Menu Sajian Daripada Dua Lauk Berat Kepada Satu Lauk Berat

Bil.	Sajian	Menu Sajian	
		Mengikut Perjanjian Asal	Dipinda Tanpa Kelulusan JAINJ
1	Minggu Pertama Iasnin Makan Malam	<ul style="list-style-type: none"> • Sup Ayam Campur • Ikan Bawal Hitam Masak Asam Manis • Kangkung Goreng + Kerang • Pisang Embun 	<ul style="list-style-type: none"> • Ayam Masak Merah • Tiada • Sawi Jepun Goreng • Tembakai
2	Minggu Pertama Rabu Makan Tengah Hari	<ul style="list-style-type: none"> • Daging Rendang Padang Berkuanah • Ikan Kembung Goreng • Sayur Campur Goreng • Betik 	<ul style="list-style-type: none"> • Ayam Masak Kari • Tiada • Kubis Goreng • Tembakai
3	Minggu Pertama Jumaat Makan Malam	<ul style="list-style-type: none"> • Ikan Merah Masak Lemak • Sambal Sotong 	<ul style="list-style-type: none"> • Ikan Kembung Masak Ketumbar • Tiada
4	Minggu Pertama Ahad Makan Tengah Hari	<ul style="list-style-type: none"> • Kari Ayam + Kentang • Ikan Kembung Goreng Berkunyit • Kacang Panjang Goreng 	<ul style="list-style-type: none"> • Sup Ayam • Tiada • Sawi Goreng
5	Minggu Kedua Rabu Makan Tengah Hari	<ul style="list-style-type: none"> • Sup Daging + Kentang • Ikan Merah Masak Kicap • Belimbing Besi 	<ul style="list-style-type: none"> • Ayam Masak Kicap • Tiada • Tembakai
6	Minggu Kedua Rabu Makan Malam	<ul style="list-style-type: none"> • Telur Rebus Sambal • Sotong + Kentang • Betik 	<ul style="list-style-type: none"> • Tiada • Ikan Cencaru Terutup • Tembakai

Sumber: SMAKJ Kluang

- iv. Berdasarkan maklum balas JAINJ bertarikh 30 Disember 2014, perubahan penyediaan sajian makanan adalah disebabkan kos menu asal yang tinggi dan kelulusan dibuat di peringkat sekolah tanpa merujuk kepada JAINJ.

2.4.1.2. Pertukaran Menu Dan Spesifikasi Bahan Tanpa Kebenaran

- a. Mengikut kontrak, klausula 10.2, pertukaran menu atau sajian makanan oleh kontraktor adalah tidak dibenarkan kecuali jika diberitahu 24 jam lebih awal sebelum pertukaran dibuat, mempunyai sebab yang munasabah serta dipersetujui oleh Kerajaan Negeri. Lawatan Audit telah dibuat di Maahad Johor dan SMAKJ Kluang untuk meninjau sama ada kontraktor menyediakan menu sajian mengikut perjanjian. Pemeriksaan Audit mendapati kontraktor di kedua-dua sekolah telah mengurangkan satu menu berat dan membuat pertukaran spesifikasi bahan dan menu tanpa mendapat kebenaran daripada Pengetua terlebih dahulu seperti di **Jadual 2.3** dan **Gambar 2.1** hingga **Gambar 2.3**. Menurut pihak kontraktor, pertukaran spesifikasi ini disebabkan bahan makanan bagi menyediakan menu ditetapkan tiada dalam pasaran pada hari berkenaan. Selain itu, didapati pemantauan yang kurang berkesan oleh pihak sekolah bagi memastikan syarat kontrak dipatuhi telah mengakibatkan kontraktor menukar menu sajian tanpa mendapat kelulusan.

Jadual 2.3
Pertukaran Menu Sajian Tanpa Mendapat Kebenaran

Bil.	Nama Sekolah	Tarikh Lawatan Audit	Waktu Sajian	Menu Sajian	
				Mengikut Perjanjian Asal	Dihidangkan
1	Maahad Johor	18 Jun 2014 - Rabu	Minum Petang Dibawa Kepada Minum Malam	<ul style="list-style-type: none"> Kuih Lopis Pulut (2 Keping) 	<ul style="list-style-type: none"> Kuih Talam Bingka (1 Keping) Kuih Seri Muka (1 Keping)
		22 Jun 2014 - Ahad	Makan Tengah Hari	<ul style="list-style-type: none"> Ayam Masak Cili Padi Sotong Goreng Kunyit Kangkung Goreng Buah Nenas 	<ul style="list-style-type: none"> Daging Masak Kicap Tiada Kubis Goreng Buah Tembikai
	SMAKJ Kluang	24 Jun 2014 - Selasa	Makan Tengah Hari	<ul style="list-style-type: none"> Ikan Selar Goreng Kari Telur Campur Kentang Pecal Pisang Embun 	<ul style="list-style-type: none"> Ikan Tenggiri Masak Lemak Cili Padi Tiada Kacang Panjang Campur Kubis Goreng Tembikai
			Makan Malam	<ul style="list-style-type: none"> Daging Goreng Kering Berlada Peria Masak Lemak Telur Masin Betik 	<ul style="list-style-type: none"> Ikan Kembung Goreng Masak 3 Rasa Sawi Tumis Air Tiada Tembikai Susu
			Minum Malam	<ul style="list-style-type: none"> Biskut Manis Minuman Bercoklat Campur Susu Tepung Penuh Krim 	<ul style="list-style-type: none"> Mee Hailam Air Teh O
		25 Jun 2014 - Rabu	Sarapan Pagi	<ul style="list-style-type: none"> Roti Sardin Goreng Pedas 	<ul style="list-style-type: none"> Mee Hoon Goreng

Sumber: Maahad Johor Dan SMAKJ Kluang

Gambar 2.1
**Menu Sajian Makan Tengah Hari
Yang Telah Ditukar Tanpa Kebenaran**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Maahad Johor
Tarikh: 22 Jun 2014

Gambar 2.2
**Menu Sajian Makan Tengah Hari
Dihidangkan Tidak Mengikut Kontrak Asal**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SMAKJ Kluang
Tarikh: 24 Jun 2014



Gambar 2.3
**Menu Sajian Makan Malam Dihidangkan
Tidak Mengikut Kontrak Asal**

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SMAKJ Kluang
Tarikh: 24 Jun 2014

- b. **Menurut maklum balas JAINJ bertarikh 30 Disember 2014, pihak sekolah telah mengeluarkan arahan kepada kontraktor pada 28 Oktober 2014 supaya kontraktor membuat permohonan dan mendapat kelulusan daripada pihak sekolah terlebih dahulu apabila terdapat pertukaran spesifikasi bahan dan menu. Kelulusan pertukaran hanya dibenarkan apabila kontraktor mempunyai sebab yang munasabah untuk menukar spesifikasi bahan dan menu makanan.**

Pada pendapat Audit, pengurusan menu makanan adalah kurang memuaskan kerana keseluruhan menu sajian asal di dalam kontrak telah ditukar oleh kontraktor selepas menandatangani perjanjian dan tiada tindakan diambil oleh JAINJ. Selain itu, kontraktor juga telah menukar bahan dan menu harian tanpa mendapat kebenaran.

2.4.2. Syarat Kontrak Tidak Dipatuhi

2.4.2.1. Spesifikasi Bahan Mentah Tidak Dipatuhi

- a. Mengikut kontrak, klausula 2(a)(iii) di Lampiran D menyatakan kontraktor hendaklah memastikan bahan makanan yang dibekalkan bermutu, halal, tidak luput tarikh guna dan tertakluk kepada Akta Makanan yang sedang berkuasa. Kontraktor juga hendaklah memastikan ikan yang dibekalkan berada dalam keadaan segar iaitu tidak

pecah perut dan tidak berbau busuk. Manakala, daging lembu hendaklah dari Gred A (*topside, silverside* tanpa lemak dan tulang).

- b. Pemeriksaan Audit mendapati kontraktor di kedua-dua buah sekolah berkenaan tidak menggunakan ikan segar sebaliknya menggunakan ikan sejuk beku dan di Maahad Johor kontraktor menggunakan daging kerbau yang diimport untuk hidangan kepada pelajar. Penyelia Asrama juga tidak membuat pemeriksaan bekalan mentah yang dibekalkan oleh kontraktor menyebabkan JAINJ tidak mengguna pakai klausma 12 seperti denda, penolakan bayaran atau penamatan perjanjian apabila kontraktor tidak melaksanakan perkhidmatan mengikut terma dan syarat kontrak. Menurut kontraktor, mereka menggunakan ikan sejuk beku disebabkan mengalami kesukaran untuk mendapatkan bekalan bahan mentah dalam kuantiti yang banyak. Antara ikan sejuk beku yang ditemui di dalam peti sejuk kontraktor di Maahad Johor dan SMAKJ Kluang semasa lawatan Audit ialah ikan tenggiri, cencaru dan kembung yang telah siap disiang seperti di **Gambar 2.4** hingga **Gambar 2.6** dan daging kerbau import seperti di **Gambar 2.7**.



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SMAKJ Kluang
Tarikh: 24 Jun 2014



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SMAKJ Kluang
Tarikh: 24 Jun 2014



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Maahad Johor
Tarikh: 22 Jun 2014



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Maahad Johor
Tarikh: 22 Jun 2014

2.4.2.2. Bahan Mentah Yang Diproses Tidak Ditimbang Sukatan

- a. Penyelia Asrama adalah bertanggungjawab memastikan kuantiti bahan mentah yang telah diproses ditimbang secara rambang pada setiap kali hidangan bagi menentukan bahan mentah dibekalkan kepada pelajar mematuhi sukatan ditetapkan. Kuantiti/sukatan makanan yang perlu dibekalkan bagi setiap pelajar pada setiap kali sajian hendaklah ditimbang sebelum dimasak. Lawatan Audit mendapati Penyelia Asrama di kedua-dua sekolah tidak menimbang bahan mentah yang siap diproses untuk dimasak. Temu bual Audit dengan kontraktor mendapati pengiraan sukatan bahan mentah yang siap diproses dibuat secara kasar tanpa menggunakan alat penimbang. Pihak sekolah kurang peka terhadap kepentingan untuk menimbang dan menyukat berat bahan mentah yang telah diproses dan dibersihkan sebelum dimasak. Akibatnya, berat bahan mentah tersebut tidak dapat dipastikan spesifikasinya sama ada telah mematuhi berat yang telah ditetapkan.

2.4.2.3. Pengurusan Pekerja Di Dewan Makan

a. Rekod Pemeriksaan Kesihatan Pekerja Tidak Dapat Disahkan

- i. Mengikut kontrak, klausa 7.1(i) menyatakan kontraktor hendaklah memastikan pekerja menjalani pemeriksaan kesihatan oleh Pegawai Perubatan dan mendapat suntikan *Typhoid (TY2)* tidak melebihi tempoh 1 tahun dari tarikh terakhir suntikan diambil sebelum dibenarkan bertugas untuk memastikan pekerja bebas dari sebarang wabak atau penyakit berjangkit. Semua surat pengakuan doktor hendaklah diserahkan kepada pihak sekolah untuk rekod dan pemeriksaan.
- ii. Semakan Audit mendapati kedua-dua kontraktor tidak menyerahkan rekod pemeriksaan kesihatan pekerja kepada pihak pengurusan sekolah sebagaimana syarat ditetapkan. Seramai 10 pekerja atau 62.5% daripada 16 pekerja di Maahad Johor dan SMAKJ Kluang telah mendapat suntikan *TY2*. Manakala baki 6 pekerja di Maahad Johor tidak mendapat suntikan *TY2*. Kesannya, pelajar terdedah kepada apa-apa wabak atau penyakit berjangkit yang dibawa oleh pekerja.

b. Etika Pakaian Pekerja

- i. Kontraktor hendaklah memastikan pekerja dibekalkan dan memakai pakaian seragam, apron, penutup kepala, penutup mulut, sarung tangan, tanda nama serta lain-lain kelengkapan yang diperlukan semasa melaksanakan perkhidmatan bekalan makanan bermasaki sebagaimana mengikut klausa 7.1(g) dalam kontrak perjanjian. Lawatan Audit ke Maahad Johor dan SMAKJ Kluang mendapati pekerja tidak memakai penutup mulut dan sarung tangan ketika menghidangkan makanan kepada pelajar seperti di **Gambar 2.8** dan **Gambar 2.9**. Ini disebabkan kontraktor berkenaan kurang menitikberatkan tentang aspek kebersihan di

kalangan para pekerja mereka. Pemantauan yang kurang berkesan oleh pihak sekolah terhadap kualiti perkhidmatan kontraktor terbabit boleh menjelaskan tahap kebersihan dan keselamatan makanan.

Gambar 2.8
Pekerja Tidak Memakai Sarung Tangan Dan Penutup Mulut
Ketika Menghidangkan Makanan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Maahad Johor
Tarikh: 18 Jun 2014



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SMAKJ Kluang
Tarikh: 24 Jun 2014

c. Latihan Pengendalian Makanan

- i. Mengikut kontrak, klausa 7.1(j) menyatakan kontraktor hendaklah memastikan pekerja mengikuti kursus pengendalian makanan daripada institusi atau syarikat yang diiktiraf oleh kerajaan dalam tempoh 1 bulan dari tarikh berkuatkuasa. Semakan Audit mendapati di SMAKJ Kluang kesemua 8 orang pekerja telah mengikuti kursus pengendalian makanan. Manakala, kesemua pekerja di Maahad Johor tidak mengikuti kursus pengendalian makanan seperti yang disarankan. Temu bual dengan kontraktor mendapati pekerja tidak mengikuti latihan pengendalian makanan kerana pekerja sering berhenti dan kesannya kebersihan dalam pengendalian makanan tidak terjamin.

2.4.2.4. Mengikut maklum balas JAINJ pada 30 Disember 2014, Jabatan telah memutuskan untuk menggunakan Pekeliling Bahagian Pembangunan Dan Bekalan Kementerian Pelajaran Bil. 2 Tahun 1994 iaitu Panduan Pelaksanaan Kontrak Bekalan Makanan Bermasak bagi tujuan pemantauan oleh Penyelia Asrama terhadap prestasi kontraktor. Pihak sekolah dikehendaki membuat pemantauan dan memastikan kontraktor mematuhi syarat kontrak seperti spesifikasi bahan mentah, sukatan bahan mentah, rekod pemeriksaan pekerja dan etika pakaian pekerja. Tindakan seperti mengeluarkan surat peringatan (amaran), surat tunjuk sebab dan denda diambil mengikut Perkara 4 Panduan Pelaksanaan Kontrak Bekalan Makanan Bermasak apabila kontraktor melanggar syarat kontrak. Panduan Pelaksanaan Kontrak Bekalan Makanan Bermasak akan digunakan oleh sekolah mulai sesi persekolahan 2015.

Pada pendapat Audit, tahap pematuhan kontraktor terhadap syarat kontrak adalah kurang memuaskan kerana spesifikasi bahan mentah yang dibekalkan tidak mematuhi syarat kontrak dan bahan mentah yang diproses untuk dimasak tidak ditimbang mengikut sukatan. Selain itu, pengurusan pekerja di dewan makan juga kurang memuaskan kerana berlaku ketidakpatuhan terhadap syarat yang ditetapkan.

2.4.3. Kebersihan Dan Keselamatan Dewan Makan

2.4.3.1. Kebersihan Dapur Dewan Makan Kurang Memuaskan

- a. Mengikut kontrak, klaus 7.1(b) kontraktor hendaklah memastikan pekerja sentiasa menjaga kebersihan dapur dan persekitarannya supaya tidak menjadi tempat pembiakan seperti lipas, lalat dan tikus. Selain itu klaus 2.1(f) dalam kontrak perjanjian, menghendaki kontraktor menyediakan peti sejuk untuk menyimpan makanan yang cepat rosak dan sentiasa dalam keadaan bersih. Semakan Audit di kedua-dua buah sekolah terdapat lipas di sekitar tempat masak dan stor bahan kering seperti di **Gambar 2.10**. Selain itu, lawatan Audit juga mendapati peti sejuk beku di Maahad Johor adalah kotor. Ini kerana kontraktor terbabit tidak menjaga kebersihan di dalam peti sejuk serta kerja pembersihan jarang dilakukan sehingga darah ikan atau daging melekat di dalamnya. Kesannya, ia boleh menjelaskan tahap kebersihan bahan mentah yang disimpan dan kualiti makanan yang dimasak. Manakala keadaan peti sejuk beku di SMAKJ Kluang pula berada di dalam keadaan bersih dan kemas. Pihak Audit mendapati pekerja di kedua-dua sekolah berkenaan kurang mengambil berat terhadap kebersihan di dapur dan keadaan ini boleh menjelaskan tahap keselamatan penyediaan makanan dan kesihatan pelajar sekolah.



Gambar 2.10
Lipas Di Bawah
Longkang Dapur Masak

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SMAKJ Kluang
Tarikh: 24 Jun 2014

- b. **Menurut maklum balas JAINJ bertarikh 30 Disember 2014, pihak sekolah telah mengeluarkan arahan kepada kontraktor pada 28 Oktober 2014 supaya memastikan pekerja sentiasa menjaga kebersihan dapur dan persekitarannya. Sekiranya kontraktor ingkar tindakan akan diambil mengikut Panduan Pelaksanaan Kontrak Bekalan Makanan Bermasak Perkara 4.11.**

2.4.3.2. Kerosakan Di Dapur Dan Dewan Makan Tidak Diperbaiki

- a. Mengikut Senarai Tugas, Penyelia Asrama adalah bertanggungjawab untuk melaporkan kepada Pengetua mengenai alat perkakas yang rosak, pecah dan tidak boleh digunakan dari semasa ke semasa untuk tindakan pembaikan atau penggantian. Selain itu, Penyelia Asrama juga hendaklah membuat laporan berkaitan kerosakan bangunan dan keperluan peralatan pelajar asrama. Lawatan Audit ke Maahad Johor dan SMAKJ Kluang mendapati berlaku beberapa kerosakan pada siling, lampu, sinki, sistem gas memasak dan sebagainya tetapi masih belum diperbaiki seperti di **Jadual 2.4** dan **Gambar 2.11** hingga **Gambar 2.15**. Selain itu, didapati alat pemadam api yang berada di dapur dewan makan di kedua-dua buah sekolah berkenaan tidak boleh digunakan sekiranya berlaku kebakaran atau kecemasan seperti di **Gambar 2.16**.

Jadual 2.4
Senarai Kerosakan Yang Masih Belum Diperbaiki

Bil.	Nama Sekolah	Kerosakan	Lokasi Kerosakan
1	Maahad Johor	Siling	<ul style="list-style-type: none"> Dewan Makan Perempuan Dan Lelaki Dapur Dewan Makan
		Lampu	<ul style="list-style-type: none"> Dewan Makan Perempuan Dan Lelaki
		Tingkap	<ul style="list-style-type: none"> Dewan Makan Perempuan
		Jenang Tingkap	<ul style="list-style-type: none"> Dapur Dewan Makan Asrama
		Sistem Gas Memasak	<ul style="list-style-type: none"> Dapur Dewan Makan Asrama
		Mesin Water Cooler	<ul style="list-style-type: none"> Dewan Makan Perempuan
2	SMAKJ Kluang	Siling	<ul style="list-style-type: none"> Dewan Makan Asrama Kaki Lima Dewan Makan
		Sinki	<ul style="list-style-type: none"> Kaki Lima Dewan Makan

Sumber: Maahad Johor Dan SMAKJ Kluang

Gambar 2.11
Siling Dewan Makan Perempuan
Rosak Tidak Dibaiki



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Maahad Johor
Tarikh: 18 Jun 2014

Gambar 2.12
Siling Dewan Makan Rosak
Tidak Dibaiki



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SMAKJ Kluang
Tarikh: 24 Jun 2014

Gambar 2.13
Tingkap Dewan Makan Perempuan
Rosak Tidak Dibaiki



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Maahad Johor
Tarikh: 18 Jun 2014

Gambar 2.14
Sinki Di Kaki Lima Dewan Makan
Rosak Tidak Dibaiki



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SMAKJ Kluang
Tarikh: 24 Jun 2014

Gambar 2.15
Panel Siling Di Kaki Lima
Dewan Makan Tercabut



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SMAKJ Kluang
Tarikh: 24 Jun 2014

Gambar 2.16
Alat Pemadam Api Tidak Berfungsi
Disimpan Di Stor Dapur Dewan Makan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Maahad Johor
Tarikh: 18 Jun 2014

- b. Semakan selanjutnya mendapati laporan kerosakan telah dikemukakan oleh pihak sekolah kepada Bahagian Pembangunan JAINJ pada bulan Oktober dan November 2013 namun tiada tindakan pembaikan diambil sehingga tarikh audit. Kerosakan yang masih belum diperbaiki di dewan makan boleh membahayakan keselamatan pelajar. **Mengikut maklum balas JAINJ bertarikh 30 Disember 2014, kerosakan tidak dapat diperbaiki pada tahun 2014 disebabkan kekangan peruntukan kewangan. Jabatan telah menyenaraikan segala kerosakan di kedua-dua sekolah dan memasukkan kos penyenggaraan di dalam peruntukan perbelanjaan JAINJ bagi tahun 2015.**

Pada pendapat Audit, kebersihan di dapur dewan makan di Maahad Johor dan SMAKJ Kluang adalah kurang memuaskan. Oleh itu, pihak sekolah perlu memantau dan bertegas dengan kontraktor dan pekerja supaya menjaga kebersihan. Selain itu, tindakan segera hendaklah diambil bagi memperbaiki beberapa kerosakan pada siling serta lampu di dapur dan dewan makan sebelum berlaku perkara yang tidak diingini.

2.4.4. Pengurusan Perbelanjaan Bekalan Makanan Bermasak

2.4.4.1. Tuntutan Melebihi Pesanan Bekalan Makanan Sebenar

- a. Borang pesanan makanan ialah dokumen penting dalam penyediaan pesanan makanan bermasak oleh sekolah kepada kontraktor. Kuantiti makanan akan diisikan dalam borang iaitu bersamaan dengan bilangan pelajar yang akan makan pada hari tersebut. Borang tersebut juga digunakan sebagai dokumen sokongan yang penting untuk pembayaran kepada kontraktor kerana ia mengesahkan kuantiti sebenar yang dibekalkan oleh kontraktor.
- b. Semakan Audit terhadap tuntutan membekal makanan bermasak oleh kontraktor di SMAKJ Kluang mendapati kontraktor telah membuat tuntutan melebihi daripada amaun seperti dalam borang pesanan makanan yang diluluskan oleh pihak sekolah. Pada perkiraan Audit, kontraktor telah membuat lebihan tuntutan di antara 1 hingga 21 sajian yang melibatkan 18 bulan tuntutan sepanjang tahun 2011 hingga 2013 yang melibatkan lebihan bayaran dianggarkan berjumlah RM71,888. Semakan selanjutnya mendapati penyata tuntutan tidak disemak secara terperinci oleh pihak sekolah dan Bahagian Pendidikan, Jabatan Agama Islam Negeri Johor sebaliknya memperakui jumlah yang perlu dibayar dan borang pesanan makanan tidak disertakan sebagai dokumen sokongan bagi pembayaran. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 2.5**.

Jadual 2.5
Perbezaan Amaun Tuntutan Kontraktor Berbanding Borang Pesanan Makanan

Bulan	Borang Bekalan Bermasak		Tuntutan Pembekal		Perbezaan		Jumlah (RM)
	Bil. Murid	Jumlah Sajian	Bil. Murid	Jumlah Sajian	Bil. Murid	Jumlah Sajian	
Tahun 2011							
Ogos	69,000	125	70,104	127	1,104	2	1,132
September	68,188	132	71,868	132	3,680	-	3,827
November	56,375	137	51,959	129	4,416	8	(4,609)
Tahun 2012							
Januari	53,863	105	55,456	115	1,593	10	1,566
Mac	59,843	124	63,080	124	3,237	-	3,175
April	76,800	150	79,298	150	2,498	-	2,790
Mei	76,463	155	77,863	155	1,400	-	1,418
Jun	58,558	102	62,231	103	3,673	1	3,541
Julai	85,396	148	83,038	144	2,358	4	(1,544)
Ogos	57,700	100	60,585	105	2,885	5	3,000
September	77,895	132	81,357	138	3,462	6	3,174
Oktober	73,770	135	78,040	140	4,270	5	4,163
November	48,799	147	53,529	147	4,730	-	4,823
Disember	4,563	56	12,950	35	8,387	21	8,685
Tahun 2013							
Januari	79,187	140	81,043	140	1,856	-	1,943
Februari	58,590	95	64,753	105	6,163	10	6,409
Mac	59,857	100	72,685	120	12,828	20	13,340
Mei	74,944	152	78,419	152	3,475	-	3,614
Jun	64,368	108	67,461	113	3,093	5	3,216
Ogos	47,680	80	53,640	90	5,960	10	8,225
Jumlah							71,888

Sumber: JAINJ Dan SMAKJ Kluang

- c. Mengikut maklum balas JAINJ bertarikh 30 Disember 2014, siasatan lanjut masih dijalankan di peringkat Jabatan dan SMAKJ Kluang mengenai tuntutan melebihi pesanan bekalan makanan sebenar serta tindakan pungutan akan dibuat daripada pihak yang terlibat.
- d. Maahad Johor tidak menggunakan borang pesanan makanan dalam memesan penyediaan makanan sebenar kepada kontraktor. Penyelia Asrama sekolah mencatatkan bilangan pelajar di Borang Laporan Bilangan Pelajar Yang Makan Di Dewan Makan dan ditampal di dapur dewan makan. Semakan Audit terhadap penyata tuntutan kontraktor Maahad Johor mendapati tuntutan dibuat bersamaan dengan laporan tersebut.

2.4.4.2. Kontrak Perjanjian Lewat Diperbaharui

- a. Kontrak bekalan makanan bermasak ke asrama Maahad Johor dan SMAKJ Kluang hendaklah diperbaharui setiap 2 tahun. Semakan Audit mendapati kontrak bagi tempoh 12 Mac 2011 hingga 31 Disember 2012 di kedua-dua buah sekolah berkenaan telah lewat diperbaharui iaitu selama 7 bulan. Tarikh kontrak baru yang ditandatangani adalah pada 1 Ogos 2013. Pihak Audit mendapati dalam tempoh kelewatan memperbaharui kontrak tersebut, perkhidmatan bekalan makanan bermasak beroperasi seperti biasa dengan mendapat kelulusan lanjutan kontrak daripada Pegawai Kewangan Negeri bagi tempoh 6 bulan iaitu dari bulan Januari hingga Jun 2013. Namun begitu, bagi bulan Julai 2013, perkhidmatan tersebut beroperasi dengan kebenaran Pengarah JAINJ sahaja tanpa mendapat kelulusan lanjutan daripada Pegawai Kewangan Negeri.
- b. Menurut JAINJ, kelewatan ini berlaku disebabkan pihak JAINJ sedang menunggu kelulusan daripada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) terhadap kertas kerja berkaitan perubahan harga siling makanan dan menu sajian memandangkan kadar siling dalam kontrak lama tiada mendapat kelulusan MMK. Selain itu, didapati hanya seorang pegawai JAINJ dipertanggungjawabkan bagi menguruskan penyediaan dokumen tender dan kontrak baru di mana pada masa yang sama, beliau juga mempunyai beban tugas menguruskan perolehan aset serta penambahbaikan stor Bahagian Pendidikan. Ketiadaan kontrak perjanjian boleh mengakibatkan kepentingan Kerajaan Negeri dan pelajar tidak dapat dilindungi serta tindakan sewajarnya tidak boleh diambil terhadap kontraktor yang melanggar syarat perjanjian.

2.4.4.3. Perkakasan Dan Peralatan Memasak Dibekalkan Tidak Digunakan

- a. Dalam melaksanakan perkhidmatan bekalan makanan bermasak, kontraktor telah dibekalkan dengan beberapa perkakasan dan peralatan memasak oleh pihak JAINJ seperti periuk nasi, *freezer* dan *chiller*. Namun begitu, pemeriksaan Audit di Maahad Johor mendapati peralatan yang dibekalkan tidak digunakan dan disimpan di stor penyimpanan barang. Selain itu, di Maahad Johor dan SMAKJ Kluang juga terdapat peralatan memasak yang telah rosak dan tidak boleh digunakan tetapi masih belum

dilupuskan. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 2.6** dan **Gambar 2.17** hingga **Gambar 2.20**.

Jadual 2.6
Senarai Perkakasan Dan Peralatan Masak Yang Tidak Digunakan/Belum Dilupuskan

Bil.	Nama Sekolah	Jenis Peralatan	Kuantiti (Unit)	Harga Seunit (RM)	Tahun Pembelian
Senarai Aset Yang Tidak Digunakan					
1	Maahad Johor	Automatic Gas Rice Cooker Model: BERJAYA GRC 60	5	990	15.12.2013
		SS 30 Boiling Pan Model : SPARK SBP 30	1	3,900	15.12.2013
		SS 36" KWALI Cooker Spark SK 36	2	2,300	15.12.2013
		Aluminium Grease Filter	16	470	2013
Senarai Aset Yang Rosak Belum Dilupuskan					
1	Maahad Johor	Periuk Memasak Air	1	TM	TM
2	SMAKJ Kluang	Periuk Untuk Memasak Lauk	2	TM	TM
		Periuk Untuk Memasak Air	1	TM	TM

Sumber: Maahad Johor Dan SMAKJ Kluang

Nota: TM – Tiada Maklumat

Gambar 2.17
Periuk Untuk Memasak Lauk Dibekalkan Tidak Digunakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Maahad Johor
Tarikh: 18 Jun 2014

Gambar 2.18
Periuk Nasi Dibekalkan Tidak Digunakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Maahad Johor
Tarikh: 18 Jun 2014

Gambar 2.19
Periuk Untuk Memasak Air Rosak Belum Dilupuskan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Maahad Johor
Tarikh: 18 Jun 2014

Gambar 2.20
Periuk Untuk Memasak Lauk Rosak Belum Dilupuskan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SMAKJ Kluang
Tarikh: 24 Jun 2014

- b. Mengikut maklum balas JAINJ bertarikh 30 Disember 2014, pihak sekolah telah menyenaraikan peralatan yang rosak di dalam KEW.PA-17 Laporan Lembaga Pemeriksa untuk diambil tindakan pelupusan oleh JAINJ.

Pada pendapat Audit, pengurusan bayaran bagi bekalan makanan bermasak di asrama SMAKJ adalah kurang memuaskan kerana bayaran tanpa dokumen sokongan yang lengkap dan semakan yang tidak dilakukan secara terperinci telah mengakibatkan berlakunya kesilapan bayaran. Selain itu, terdapat bekalan peralatan yang tidak digunakan serta peralatan yang rosak tetapi masih belum diambil tindakan pelupusan.

2.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan perkhidmatan bekalan makanan bermasak dilaksanakan dengan lebih cekap dan berkesan, adalah disyorkan Bahagian Pendidikan, Jabatan Agama Islam Negeri Johor dan pihak sekolah mengambil langkah-langkah penambahbaikan seperti berikut:

- 2.5.1. Memastikan pemantauan dijalankan terhadap kontraktor supaya mematuhi syarat kontrak.
- 2.5.2. Menjalankan pembaikan bagi kerosakan di dapur dan dewan makan dengan segera bagi keselamatan pelajar.
- 2.5.3. Menyemak secara terperinci tuntutan bayaran yang dikemukakan oleh kontraktor bagi mengelakkan berlakunya lebihan bayaran.

MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG

MAJLIS DAERAH LABIS

3. PENGURUSAN PEROLEHAN

3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG) dan Majlis Daerah Labis (MDL) merupakan 2 daripada 15 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Johor yang diwujudkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Setiap PBT bertanggungjawab terhadap pentadbiran, perancangan dan pembangunan kawasan operasi di bawah pentadbirannya. Pengurusan perolehan di MPPG diuruskan oleh Bahagian Pengurusan Kontrak dan Jabatan Kewangan manakala pengurusan perolehan di MDL diuruskan oleh Bahagian Kewangan dan Bahagian Pengurusan Projek yang bertindak sebagai urus setia untuk memastikan pengurusan kewangan dan perakaunan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan selaras dengan Arahan Perbendaharaan dan peraturan kewangan yang ditetapkan.

3.1.2. MPPG telah ditubuhkan pada 1 Julai 2008 setelah PBT Pasir Gudang memenuhi semua kriteria sebagai Majlis Perbandaran. Kawasan pentadbiran MPPG adalah seluas 311 kilometer persegi. MDL pula yang mempunyai 7 kawasan pentadbiran iaitu Bekok, Chaah, Sungai Karas, Ayer Panas, Labis, Tenang Stesen, dan Sawah Padi telah ditubuhkan pada 1 Januari 1977.

3.1.3. Bagi tahun 2012 hingga 2014, MPPG telah membelanjakan sejumlah RM142.38 juta manakala MDL telah membelanjakan sejumlah RM24.03 juta bagi tujuan perolehan dengan menggunakan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan, Negeri dan Majlis sendiri. Di antara contoh perolehan yang dilaksanakan adalah kerja menaik taraf jalan, menaik taraf sistem perparitan, pembinaan dewan orang ramai, pembinaan balai komuniti, pembinaan taman permainan, perkhidmatan pembersihan dan penyenggaraan bangunan. Butiran pecahan sumber peruntukan untuk perolehan seperti di **Jadual 3.1**. Manakala pecahan perolehan mengikut kaedah perolehan iaitu pembelian terus, sebut harga dan tender bagi tahun 2012 hingga 2014 adalah seperti di **Jadual 3.2**.

Jadual 3.1
Pecahan Sumber Peruntukan Untuk Perolehan MPPG Dan MDL
Bagi Tahun 2012 Hingga Jun 2014

PBT	Tahun	Peruntukan			Jumlah (RM Juta)
		Persekutuan (RM Juta)	Negeri (RM Juta)	Majlis (RM Juta)	
MPPG	2012	3.69	11.05	23.34	38.08
	2013	8.94	18.82	37.22	64.98
	2014	4.18	27.95	7.19	39.32
Jumlah		16.81	57.82	67.75	142.38
MDL	2012	3.69	6.16	1.37	11.22
	2013	1.89	5.21	1.20	8.30
	2014	1.33	2.51	0.67	4.51
Jumlah		6.91	13.88	3.24	24.03
Jumlah Keseluruhan		23.72	71.70	70.99	166.41

Sumber: MPPG Dan MDL

Jadual 3.2
Pecahan Mengikut Kaedah Perolehan Di MPPG Dan MDL Bagi Tahun 2012 Hingga Jun 2014

PBT	Tahun	Pembelian Terus/ Lantikan Terus		Sebut Harga		Tender		Jumlah Bilangan Perolehan	Jumlah (RM Juta)
		Bil.	(RM Juta)	Bil.	(RM Juta)	Bil.	(RM Juta)		
MPPG	2012	736	4.26	102	21.99	12	11.83	850	38.08
	2013	1,062	4.70	158	42.71	18	17.57	1,238	64.98
	2014	556	1.86	60	22.43	15	15.03	631	39.32
Jumlah		2,354	10.82	320	87.13	45	44.43	2,719	142.38
MDL	2012	512	1.77	71	8.49	1	0.96	584	11.22
	2013	489	1.02	52	6.74	1	0.54	542	8.30
	2014	383	0.67	29	3.34	1	0.50	413	4.51
Jumlah		1,384	3.46	152	18.57	3	2.00	1,539	24.03

Sumber: MPPG Dan MDL

3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan perolehan MPPG dan MDL telah dirancang dan diuruskan dengan teratur, cekap dan berhemat bagi mencapai matlamat yang ditetapkan.

3.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan ini meliputi semua perolehan melalui pembelian terus, sebut harga dan tender melibatkan bekalan, perkhidmatan dan kerja yang dilakukan dari tahun 2012 sehingga tahun 2014. Pemeriksaan dijalankan terhadap rekod dan dokumen perolehan yang berkaitan serta aset yang diperoleh. Selain itu, lawatan ke tapak projek juga dilaksanakan dengan kerjasama pegawai dari MPPG dan MDL. Temu bual dengan pegawai yang bertanggungjawab dan penduduk setempat telah dilakukan bagi mendapatkan maklum balas dan pengesahan. *Exit conference* bersama Yang Dipertua dan pegawai kanan MPPG serta

Timbalan Yang Dipertua dan pegawai kanan MDL telah diadakan masing-masing pada 5 Januari 2015 dan 13 Januari 2015.

3.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos 2014 hingga November 2014 mendapati secara keseluruhannya pengurusan perolehan di MDL adalah memuaskan tetapi di MPPG adalah kurang memuaskan kerana terdapat kes di mana perolehan dibuat tidak mematuhi sepenuhnya peraturan perolehan. Antara kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

- Proses sebut harga tidak diurus dengan teratur di MPPG.
- Perolehan di MPPG dan MDL tidak digunakan.
- Spesifikasi kerja menurap jalan di MDL tidak diperincikan.
- Perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja di MPPG tidak dipelawa secara sebut harga.
- Kelemahan pengurusan bayaran di MDL.

3.4.1. Pelaksanaan Perolehan

3.4.1.1. Pemilihan Sebut Harga Dan Tender

- a. Pelaksanaan perolehan oleh PBT dibuat berdasarkan peruntukan perbelanjaan tahunan mengikut keutamaan selain permohonan daripada orang awam dan Ahli Majlis. Arahan Perbendaharaan 193, Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2009 dan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PK 2/2013 telah menggariskan beberapa peraturan yang perlu dipatuhi semasa pemilihan kontraktor melalui tender, sebut harga atau perolehan terus. Dokumen Sebut Harga hanya dibenarkan dijual pada waktu dan tarikh yang ditetapkan sahaja. Penjualan Dokumen Sebut Harga selepas peti sebut harga ditutup adalah tidak dibenarkan. Dokumen Sebut Harga hendaklah diisi dengan lengkap oleh kontraktor sebelum dihantar. Hanya Dokumen Sebut Harga yang lengkap sahaja boleh diterima untuk dipertimbangkan.
- b. Semakan Audit terhadap 110 sampel sebut harga di MPPG mendapati secara umumnya peraturan pemilihan kontraktor bagi perolehan yang dibuat melalui sebut harga dan tender telah mematuhi kehendak dan peraturan ditetapkan. Perolehan yang dilaksanakan juga adalah yang paling menguntungkan dan pemilihan kontraktor telah menggunakan kriteria yang patut dipertimbangkan. Bagaimanapun terdapat kelemahan dalam pemilihan sebut harga seperti berikut:

i. Dokumen Sebut Harga Dibeli Selepas Tarikh Sebut Harga Ditutup

Pihak Audit mendapati sebanyak 10 Dokumen Sebut Harga bagi projek-projek bernilai RM1.63 juta telah dibeli selepas tarikh sebut harga ditutup. Semakan

selanjutnya pada Jadual Sebut Harga mendapati kontraktor yang lewat membeli Dokumen Sebut Harga tersebut turut disenaraikan dan terpilih bagi melaksanakan kerja berkaitan. Tempoh kelewatan Dokumen Sebut Harga dibeli selepas tarikh sebut harga ditutup adalah di antara 4 hingga 66 hari. Butiran terperinci adalah seperti di **Jadual 3.3**.

Jadual 3.3
Dokumen Sebut Harga Dibeli Selepas Tarikh Sebut Harga Ditutup

Bil.	Perihal Sebut Harga	Kos Perolehan (RM Juta)	Tarikh Sebut Harga Ditutup	Tarikh Resit Bayaran	Tempoh Kelewatan (Hari)
2013					
1	Kerja-kerja Membekal Perabot Untuk Muzium Layang-Layang Di Kawasan Taman Bandar Milik MPPG	0.11	15.02.2013	19.02.2013	4
2	Membina Dan Menyiapkan Dekorasi Bot Termasuk Kerja-kerja Pendawaian Dan Kerja-kerja Berkaitan Sempena Perarakan Bot Berhias Bagi Sambutan Keputeraan DYMM Sultan Johor	0.12	28.10.2013	02.01.2014	66
3	Membina Dan Menyiapkan Gelanggang Sukan Di Jalan Serangkai, Taman Bukit Dahlia	0.10	07.02.2013	13.02.2013	6
4	Baikpulih Kerosakan Papan Digital Di Persimpangan Jalan Besar/Jalan Masjid	0.09	15.02.2013	13.03.2013	26
5	Membaikpulih 4 Unit Tiang Lampu Limpah Dan Menggantikan 88 Unit Choke Dan Kerja-kerja Berkaitan	0.17	25.11.2013	29.11.2013	4
6	Pemasangan Tambahan 10 Unit 'Spot Light' Tempat Duduk Berbumbung Stadium Bola Sepak Pasir Gudang	0.09	25.11.2013	29.11.2013	4
Jumlah		0.68			
2014					
7	Membina Gelanggang Permainan Dan Peralatan 'Skate Board' Termasuk Kerja-kerja Yang Berkaitan Di Pasir Gudang	0.30	21.04.2014	27.05.2014	36
8	Menaiktaraf Jalan Dan Kerja-kerja Berkaitan Di Rumah Pangsa Taman Cendana	0.20	21.04.2014	27.05.2014	36
9	Membina Dataran Tempat Letak Kenderaan Di Rumah Pangsa Taman Cendana	0.42	21.04.2014	01.06.2014	41
10	Menaiktaraf Lampu Jalan Di Rumah Pangsa Taman Cendana	0.03	21.04.2014	17.06.2014	57
Jumlah		0.95			
Jumlah Keseluruhan		1.63			

Sumber: MPPG

ii. **Dokumen Sebut Harga Diterima Selepas Tarikh Sebut Harga Ditutup**

Pihak Audit mendapati sebanyak 12 Dokumen Sebut Harga bagi projek-projek bernilai RM1.49 juta diterima selepas tarikh sebut harga ditutup. Ini adalah berdasarkan tandatangan pada ruangan perakuan kontraktor di dalam Dokumen Sebut Harga tersebut. Semakan selanjutnya mendapati kontraktor tersebut turut disenaraikan di Jadual Sebut Harga dan telah terpilih untuk melaksanakan sebut harga berkaitan. Tempoh kelewatan Dokumen Sebut Harga diterima selepas tarikh peti sebut harga ditutup adalah di antara 3 hingga 50 hari. Dokumen sebut harga yang terlibat adalah seperti di **Jadual 3.4**.

Jadual 3.4
Dokumen Sebut Harga Diterima Selepas Tarikh Sebut Harga Ditutup

Bil.	Perihal Sebut Harga	Kos Perolehan (RM Juta)	Tarikh Sebut Harga Ditutup	Tarikh Tandatangan Kontraktor	Tempoh Kelewatan (Hari)
2012					
1	Kerja-kerja Membina Dan Menyiapkan Gelanggang Futsal Di Jalan Ciku, Taman Kota Masai, Pasir Gudang	0.15	02.10.2012	28.10.2012	26
Jumlah		0.15			
2013					
2	Kerja-kerja Membekal Perabot Untuk Muzium Layang-layang Di Kawasan Taman Bandar Milik MPPG	0.11	15.02.2013	22.02.2013	7
3	Membina Dan Menyiapkan Gelanggang Sukan Di Jalan Serangkai, Taman Bukit Dahlia	0.10	07.02.2013	14.02.2013	7
4	Menyiapkan Gelanggang Sukan Di Jalan Tenteram, Taman Nusa Damai	0.15	07.02.2013	14.03.2013	35
5	Membina Balai Komuniti Di Perumahan Desa Rakyat, Pasir Gudang	0.19	07.02.2013	19.02.2013	12
6	Kerja-kerja Membina Gelanggang Futsal Di Taman Cahaya Masai, Pasir Gudang	0.20	07.02.2013	14.02.2013	7
7	Kerja-kerja Membina Bilik Gerakan Jenis Tidak Kekal Di Cawangan Harmoni, Taman Nusa Damai, Pasir Gudang	0.05	25.11.2013	11.12.2013	16
Jumlah		0.80			
2014					
8	Kerja-kerja Pembersihan Pejabat MPPG Di Menara Aqabah Untuk 2 Tahun	0.30	17.12.2013	20.12.2013	3
9	Kerja-kerja Membekal Dan Memasang 'Seamless Flooring' Bagi Taman Permainan Kanak-kanak Di Taman Bandar Pasir Gudang	0.09	21.04.2014	27.04.2014	6
10	Kerja-kerja Penyenggaraan Sistem Menentang Kebakaran Di Menara Aqabah, MPPG Bagi Tempoh 2 Tahun	0.06	10.03.2014	17.03.2014	7
11	Menaiktaraf Longkang Dan Kerja-kerja Berkaitan Di Rumah Pangsa Taman Cendana	0.05	21.04.2014	10.06.2014	50
12	Menaiktaraf Laluan Pejalan Kaki Di Rumah Pangsa Taman Cendana	0.04	21.04.2014	10.06.2014	50
Jumlah		0.54			
Jumlah Keseluruhan		1.49			

Sumber: MPPG

- c. **Menurut maklum balas MPPG bertarikh 30 Disember 2014, kebanyakan sebut harga yang terlibat adalah projek-projek yang perlu disiapkan segera. Selain itu kekangan masa dan dokumen sebut harga yang banyak semasa proses peringkat pembukaan dan pemilihan juga menyumbang kepada masalah yang timbul. Unit Audit Dalam MPPG akan memantau proses sebut harga dari semasa ke semasa dan latihan akan diberikan kepada pegawai yang terlibat agar dapat memastikan perkara ini tidak akan berulang pada masa hadapan.**
- d. Semakan Audit terhadap 113 sampel sebut harga dan 3 sampel tender di MDL mendapati peraturan pemilihan kontraktor bagi perolehan yang dibuat telah mematuhi kehendak dan peraturan ditetapkan.

Pada pendapat Audit, pihak MPPG patut menyiasat bagaimana penjualan borang sebut harga dibenarkan selepas tarikh jualan ditutup. Begitu juga bagi kes-kes di

mana borang sebut harga diterima selepas tarikh tutup peti sebut harga. Jika ada penyelewengan, tindakan sewajarnya hendaklah diambil ke atas pegawai terlibat.

3.4.1.2. Prestasi Pelaksanaan Perolehan

- Perancangan setiap perolehan hendaklah dibuat dengan teliti dan pelaksanaan projek oleh Majlis perlu disempurnakan mengikut tempoh yang telah ditetapkan dan mengikut syarat-syarat lain yang terkandung dalam dokumen kontrak serta peraturan-peraturan berkaitan. Klaus mengenai denda (LAD) dan cara Kerajaan memperolehnya hendaklah dinyatakan dalam dokumen kontrak jika kontraktor gagal memenuhi obligasi kontrak.
- Semakan Audit mendapati sebanyak 8 atau 6% daripada 125 perolehan MPPG telah disiapkan dengan lanjutan masa yang diluluskan. Tempoh lanjutan masa yang diluluskan adalah antara 15 hingga 204 hari. Bagaimanapun, 2 perolehan ICT MPPG telah disiapkan melewati tarikh yang ditetapkan tanpa memohon lanjutan masa seperti di **Jadual 3.5**. Tempoh kelewat disiapkan adalah di antara 75 hingga 92 hari. **Menurut maklum balas MPPG pada 30 Disember 2014, penambahbaikan bagi prosedur perolehan peralatan ICT dan sistem akan dibuat dan dikemas kini bagi memastikan masalah yang timbul dapat diatasi pada masa akan datang.** Bagi MDL pula, semua perolehan telah disiapkan dengan tempoh lanjutan masa yang diluluskan. Prestasi pelaksanaan perolehan di MPPG dan MDL adalah seperti di **Jadual 3.5**.

Jadual 3.5
Prestasi Pelaksanaan Perolehan Di MPPG Dan MDL Bagi Tahun 2012 Hingga 2014

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan	Bilangan Sampel	Jumlah Kos (RM Juta)	Status			
				Siap Dalam Tempoh	Siap Dengan Lanjutan Masa	Siap Kerja Melebihi Lanjutan Masa	Siap Melebihi Tempoh Yang Ditetapkan (Tiada Lanjutan Masa)
1	MPPG	125	40.90	115	8	-	2
2	MDL	116	17.52	104	12	-	-

Sumber: MPPG Dan MDL

- Tempoh Tanggungan Kecacatan yang ditetapkan dalam Sijil Perakuan Siap Kerja hendaklah bermula daripada tarikh sebenar kerja disiapkan dengan mengambil kira perakuan daripada pegawai penyelia/juruteknik projek. Sebarang kerosakan atau kecacatan terhadap kerja yang telah disiapkan perlu dipertanggungjawabkan kepada pihak kontraktor. Semakan Audit terhadap dokumen pembayaran bagi projek kerja yang dilaksanakan di MDL mendapati Tarikh Tanggungan Kecacatan ditetapkan bermula daripada tarikh jangkaan kerja sepatutnya siap sedangkan tarikh perakuan pegawai penyelia/juruteknik projek melewati tarikh jangkaan siap. Ini menunjukkan Sijil Perakuan Siap Kerja telah dikeluarkan sebelum pegawai penyelia/juruteknik projek membuat pengesahan penyiapan kerja di tapak. Kelewat berlaku antara 2 hari hingga 82 hari melibatkan 91 kerja dengan kos berjumlah RM12.25 juta. Kesan

daripada ini pihak MDL akan mengeluarkan perbelanjaan sendiri untuk membaiki kerosakan, jika berlaku kerosakan/kecacatan setelah projek siap kerana tempoh tanggungan kecacatan telah tamat lebih awal.

- d. **Menurut maklum balas MDL bertarikh 7 Januari 2015, tarikh pengesahan siap kerja oleh penyelia/juruteknik melewati tarikh di Sijil Perakuan Siap Kerja disebabkan kelewatan pihak kontraktor menghantar tuntutan atau dokumen yang disertakan tidak lengkap dan mempunyai kesilapan. Bagi projek tahun 2015, MDL akan memastikan tempoh Tanggungan Kecacatan bermula selepas pengesahan kerja di tapak oleh penyelia/juruteknik projek.**

Pada pendapat Audit prestasi pelaksanaan perolehan secara keseluruhannya bagi MPPG dan MDL adalah memuaskan kerana kebanyakan perolehan yang dirancang dapat disiapkan mengikut perancangan asal kecuali beberapa projek yang lewat disiapkan tanpa lanjutan masa. Selain itu, pengeluaran Sijil Perakuan Siap Kerja sebelum penyerahan kerja/projek oleh kontraktor kepada Majlis menyebabkan Tempoh Tanggungan Kecacatan menjadi singkat.

3.4.2. Perolehan Yang Tidak Digunakan

3.4.2.1. Taman Awam Rekreasi Bakau Perigi Aceh, Pasir Gudang

- a. Taman Awam Rekreasi Bakau Perigi Aceh merupakan projek yang dibiayai bersama antara Jabatan Landskap Negara (JLN), Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan MPPG. Pembinaan telah bermula pada 15 November 2006. Kos pembinaan adalah berjumlah RM5 juta. Bagi melaksanakan projek ini, MPPG telah melantik *Project Management Consultant* (PMC) untuk mengawal selia pelaksanaan projek termasuk perunding bagi skop kerja yang berkaitan dan JLN bertindak sebagai Pegawai Penguasa Projek. Jabatan Landskap Negara telah menyerahkan projek pada 13 Mei 2013 kepada MPPG untuk diselenggarakan sepenuhnya walaupun beberapa skop kerja telah dikeluarkan daripada kontrak asal iaitu Bangunan Pusat Interpretatif Taman, jeti, tandas, canopy walkway dan bird hide kerana binaan didapati tidak disiapkan, tidak selamat dan masalah peruntukan kewangan. Lawatan Audit pada 30 September 2014 mendapati taman rekreasi ini masih belum dibuka kepada orang awam seperti di **Gambar 3.1** hingga **Gambar 3.4**.

Gambar 3.1
Bangunan Pusat Interpretatif Taman Tidak Disiapkan/Tidak Selamat



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Awam Rekreasi Bakau Perigi Aceh
Tarikh: 30 September 2014



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Awam Rekreasi Bakau Perigi Aceh
Tarikh: 30 September 2014

Gambar 3.3
Bangunan Pusat Interpretatif Taman Tidak Disiapkan/Tidak Selamat



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Awam Rekreasi Bakau Perigi Aceh
Tarikh: 30 September 2014



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Awam Rekreasi Bakau Perigi Aceh
Tarikh: 30 September 2014

- b. Lawatan Audit seterusnya mendapati taman rekreasi ini tidak disenggarakan dengan baik. Pokok bakau di tepi laluan pejalan kaki tidak dipangkas dan lampu panel solar yang dipasang telah rosak. Pokok bakau yang tidak dipangkas membahayakan kepada para pelawat kerana ia menjadi tempat hidupan liar seperti ular bakau. Kelewatan dalam membaik pulih taman rekreasi ini menyebabkan ia tidak dapat dibuka kepada orang ramai dan menyumbang kepada pembaziran harta awam.
- Gambar 3.5 hingga Gambar 3.8** adalah berkaitan.

Gambar 3.5



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Awam Rekreasi Bakau Perigi Aceh
Tarikh: 30 September 2014

Gambar 3.6



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Awam Rekreasi Bakau Perigi Aceh
Tarikh: 30 September 2014

Gambar 3.7
Jambatan Gantung Tidak Dibina



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Awam Rekreasi Bakau Perigi Aceh
Tarikh: 30 September 2014

Gambar 3.8
Lampu Solar Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Awam Rekreasi Bakau Perigi Aceh
Tarikh: 30 September 2014

- c. **Menurut maklum balas MPPG bertarikh 30 Disember 2014, projek ini telah diserahkan kepada MPPG dalam keadaan kurang sempurna dan tanpa peruntukan kos penyenggaraan. Selain itu, projek ini masih belum dibuka kepada orang awam atas faktor keselamatan. Peruntukan penyenggaraan telah diperoleh pada tahun 2015 untuk menyenggara kawasan taman rekreasi ini sebelum dibuka untuk orang awam.**

3.4.2.2. Perpustakaan Awam Tenang Stesen, Labis

- a. Bangunan Perpustakaan Awam Tenang Stesen pada asalnya adalah pasar awam yang siap dibina pada tahun 2002 dengan kos RM180,000 dibiayai melalui peruntukan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Oleh kerana tidak mendapat sambutan daripada pengguna, bangunan pasar ini telah diubahsuai menjadi bangunan perpustakaan awam pada tahun 2007 dengan kos RM180,000 melalui peruntukan Menteri Besar Johor. Lawatan Audit pada bulan Oktober 2014 mendapati Perpustakaan Awam Tenang Stesen ini masih belum beroperasi untuk kemudahan orang awam. Pihak Audit mendapati MDL telah

membelanjakan RM20,000 bagi tujuan penyenggaraan bangunan perpustakaan pada tahun 2012 termasuk menukar tingkap aluminium dan kunci pada pintu-pintu. **Gambar 3.9** dan **Gambar 3.10** adalah berkaitan.

Gambar 3.9

Perpustakaan Awam Tenang Stesen Belum Beroperasi



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tenang Stesen, Labis
Tarikh: 30 September 2014

Gambar 3.10



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tenang Stesen, Labis
Tarikh: 30 September 2014

- b. **Maklum balas MDL pada 13 Januari 2015 memaklumkan, bangunan Perpustakaan Awam Tenang Stesen ini masih belum beroperasi disebabkan oleh kekangan peruntukan kewangan dan majlis tidak mempunyai kepakaran untuk mengendalikan sebuah perpustakaan awam.**

3.4.3. Pengurusan Kontrak

3.4.3.1. Spesifikasi Kerja Tidak Diperincikan

Butiran kerja yang disenaraikan dalam *Bill Of Quantities (BQ)* hendaklah dinyatakan secara terperinci seperti jumlah keluasan, jenis, kadar seunit, kuantiti dan jumlah harga secara *item by item*. Perkara ini adalah penting untuk tujuan penyeliaan dan menentukan butiran yang dinyatakan dalam *BQ* dibekalkan/dilaksanakan. Analisis Audit telah dilaksanakan terhadap 55 sampel borang inden dan *BQ* bagi kerja menurap jalan yang dilaksanakan oleh MDL antara tahun 2012 hingga 2014. Audit mendapati bagi tahun 2012 penyediaan *BQ* adalah teratur dan lengkap kerana kesemua 36 sampel yang dipilih telah menyatakan dengan jelas panjang setiap jalan yang perlu diturap. Bagaimanapun, *BQ* bagi 19 kerja menurap jalan pada tahun 2013 dan 2014 bernilai RM4.47 juta tidak diperincikan panjang setiap jalan yang perlu diturap oleh kontraktor. Kesannya, MDL sukar untuk memantau pelaksanaan kerja kerana terdapat keadaan yang mana satu projek melibatkan penurapan antara 2 hingga 9 batang jalan. **Menurut maklum balas MDL bertarikh 7 Januari 2015, MDL akan memperincikan setiap BQ bermula tahun 2015.**

3.4.4. Perolehan Bekalan, Perkhidmatan Dan Kerja MPPG Tidak Dipelawa Secara Sebut Harga

3.4.4.1. Mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2009, perolehan bekalan atau perkhidmatan yang bernilai melebihi RM50,000 hingga RM500,000 hendaklah dipelawa secara sebut harga. Manakala bagi perolehan kerja-kerja kecil atau pembaikan yang tidak mengubah struktur asal dan yang tidak mempunyai Jadual Kadar Kejuruteraan Awam yang bernilai RM20,000 hingga RM200,000 hendaklah dipelawa secara sebut harga. Arahan Perbendaharaan 173.1 menetapkan perolehan bekalan bagi setiap jenis item sehingga RM50,000 setahun boleh dibuat secara pembelian terus. Perenggan 5, Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 2007 (Had Nilai Dan Syarat-syarat Pembelian Terus Bagi Bekalan Dan Perkhidmatan) menyatakan Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab untuk merancang pembelian terus tahunan Agensi dan memastikan pembelian yang dibuat tidak dipecah kecil bagi mengelak perolehan secara sebut harga.

3.4.4.2. Semakan Audit mendapati 11 perolehan berjumlah RM0.88 juta telah ditawarkan secara pembelian terus dan tidak dipelawa secara sebut harga. Perolehan tersebut melibatkan 7 perolehan bagi Festival Layang-layang Sedunia yang berjumlah RM0.59 juta. Manakala 3 perolehan bekalan yang berjumlah RM0.21 juta adalah untuk peralatan persiapan majlis rasmi MPPG, pakaian pejabat dan tong sampah serta satu perolehan perkhidmatan pakej seminar yang berjumlah RM0.07 juta. Perolehan ini sepatutnya dibuat melalui sebut harga dan bukannya secara pembelian terus memandangkan nilainya melebihi RM50,000 bagi bekalan dan perkhidmatan. Senarai perolehan yang tidak dipelawa secara sebut harga adalah seperti di **Jadual 3.6.**

Jadual 3.6
Senarai Perolehan Yang Tidak Dipelawa Secara Sebut Harga
Bagi Tahun 2012 Hingga Jun 2014

Bil.	Perolehan Bekalan/Perkhidmatan/Kerja	No. Baucar	Kos Perolehan (RM)
2012			
1	Membekal Peralatan Persiapan Untuk Majlis-majlis Rasmi MPPG	201209296	94,600
2	Membekal Jaket Hitam Bersulam Logo MPPG Dan Nama	20120734	53,250
3	Membekal T-Shirt Dan Topi Untuk AJK/Urus setia/Peserta Sempena Festival Layang-layang Sedunia Ke-17 Tahun 2012	20120397	53,150
2013			
4	Penginapan Peserta Antarabangsa Sempena Festival Layang-layang Sedunia Ke-18 Tahun 2013	20130412	156,000
5	Penyediaan Makanan/minuman Peserta Antarabangsa Dan Pengadil Sempena Festival Layang-layang Sedunia Ke-18 Tahun 2013	201303368	137,742
6	Membekal Topi & T-Shirt Sempena Festival Layang-layang Sedunia Ke-18 Tahun 2013	20130316	62,150
7	Pekej Penginapan Dan Makan Malam Seminar Industri Hijau Di Amansari Residen Resort, Seri Alam	201312284	78,000
8	Membekal Tong Sampah Untuk MPPG	20131181	60,500
2014			
9	Membekal Dan Menyediakan Makan/Minum Peserta Antarabangsa Dan Petugas Sempena Festival Layang-layang Sedunia Ke-19 Tahun 2014	20140361	66,346
10	Penyewaan Khemah Dan Peralatan Sempena Festival Layang-layang Sedunia Ke-19 Tahun 2014	201403425	62,080
11	Penyediaan Makanan Pengadil Sempena Festival Layang-layang Sedunia Ke-19 Tahun 2014	20140399	52,320
Jumlah			876,138

Sumber: MPPG

3.4.4.3. Menurut maklum balas MPPG bertarikh 30 Disember 2014, sebahagian perolehan yang terlibat adalah berkaitan Festival Layang-Layang Sedunia di mana perolehan secara pembelian terus dilakukan bagi disesuaikan dengan program dan merupakan keperluan segera. Walaupun sebut harga tidak dilakukan, pihak MPPG telah membuat perbandingan harga dengan 3 pembekal. Pihak MPPG akan memastikan peraturan kewangan semasa dipatuhi bagi perolehan akan datang.

3.4.5. Kelemahan Pengurusan Bayaran

Pihak Audit mendapati pengurusan bayaran perolehan di MPPG adalah baik kerana semua peraturan berkaitan telah dipatuhi. Bagaimanapun semakan Audit terhadap 174 sampel baucar bayaran MDL bagi tahun 2012 hingga Ogos 2014 mendapati wujud kelemahan seperti berikut:

3.4.5.1. Pesanan Kerajaan/Inden Lewat Disediakan

Semakan Audit mendapati sebanyak 147 perolehan bekalan/perkhidmatan/kerja bernilai RM0.17 juta telah dilaksanakan/dibekalkan terlebih dahulu walaupun Pesanan Tempatan belum dikeluarkan. Kelewatan pengeluaran Pesanan Tempatan adalah antara 1 hingga 189 hari seperti di **Jadual 3.7**.

Jadual 3.7
Kelewatan Pengeluaran Pesanan Tempatan Oleh MDL
Bagi Tahun 2012 Hingga 2014

Tempoh Kelewatan (Hari)	Bilangan	Jumlah (RM)
1 – 50	128	163,571
51 – 100	7	4,632
101 – 150	5	4,725
151 – 200	7	2,659
Jumlah	147	175,587

Sumber: MDL

3.4.5.2. Pembayaran Melebihi Tempoh 14 Hari

Semakan Audit mendapati sebanyak 189 bil bernilai RM0.35 juta telah lewat dijelaskan antara 6 hingga 252 hari. 130 atau 69% bil yang lewat dijelaskan adalah melibatkan perolehan bekalan. Antara perolehan berkaitan adalah membekalkan barang alat tulis, komputer, *toner printer*, dan lain-lain keperluan pejabat MDL. Antara faktor kelewatan pembayaran bil/tuntutan ini adalah kerana MDL mengumpul invois daripada pembekal sebelum membuat bayaran. Semakan Audit selanjutnya mendapati paling banyak bil yang lewat dijelaskan antara 6 hingga 50 hari iaitu sebanyak 127 bil dengan nilai RM0.25 juta. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 3.8. Menurut maklum balas MDL bertarikh 13 Januari 2015, pihak majlis akan memastikan peraturan kewangan semasa dipatuhi bagi perolehan akan datang.**

Jadual 3.8
Pembayaran Bil Melebihi 14 Hari Oleh MDL
Bagi Tahun 2012 Hingga 2014

Tempoh Kelewatan (Hari)	Bilangan	Jumlah (RM)
6 - 50	127	249,974
51 - 100	42	85,269
101 - 150	3	8,710
151 - 200	2	368
201 - 250	14	7,538
251 - 300	1	350
Jumlah	189	352,209

Sumber: MDL

Pada pendapat Audit, Majlis hendaklah memastikan semua perolehan dibuat mengikut prosedur yang ditetapkan.

3.5. SYOR AUDIT

Bagi menambah baik pelaksanaan perolehan dan memastikan pengurusan perolehan dapat dilaksanakan dengan teratur dan berhemat serta Majlis mendapat *value for money* bagi perbelanjaan wang awam yang dibelanjakan, MPPG dan MDL disyorkan mempertimbangkan perkara berikut:

- 3.5.1.** Meningkatkan kawalan dalaman bagi memastikan proses pemilihan sebut harga dilakukan dengan teratur.
- 3.5.2.** Memastikan kemudahan dan bangunan yang dibina tidak terbiar dan boleh dimanfaatkan oleh orang awam.
- 3.5.3.** Memastikan peraturan kewangan berkaitan perolehan dipatuhi.

YPJ CORPORATION SDN. BHD.

4. YPJ PLANTATIONS SDN. BHD.

4.1. LATAR BELAKANG

4.1.1. YPJ Plantations Sdn. Bhd. (YPJPSB) yang pada awal penubuhannya dikenali sebagai YPJ Oil Palm Estate Sdn. Bhd. telah ditubuhkan pada 9 November 1992 di bawah Seksyen 16(4) Akta Syarikat 1965. Sehingga 31 Oktober 2014, modal saham dibenarkan dan modal saham berbayar YPJPSB masing-masing berjumlah RM100 juta. YPJPSB merupakan anak syarikat 100% milik YPJ Corporation Sdn. Bhd. (YPJCSB). YPJCSB berperanan menguruskan secara langsung ekuiti syarikat induknya iaitu YPJ Holdings Sdn. Bhd. (YPJHSB) dalam pelbagai bidang iaitu perladangan, harta tanah serta perkhidmatan dan pengurusan. YPJHSB pula merupakan anak syarikat 100% milik Yayasan Pelajaran Johor (YPJ). Aktiviti utama syarikat YPJPSB adalah dalam bidang perladangan dan pengilangan kelapa sawit.

4.1.2. Sebagai sebuah syarikat sendirian berhad yang dimiliki oleh YPJCSB, YPJPSB perlu mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan di bawah Akta Syarikat 1965 dan peraturan lain yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri Johor dan Kementerian Kewangan berkaitan syarikat dari semasa ke semasa serta arahan dan peraturan yang diluluskan oleh Ahli Lembaga Pengarah YPJPSB.

4.1.3. YPJPSB mempunyai 5 orang Ahli Lembaga Pengarah yang dipengerusikan oleh seorang Ahli Lembaga Pengarah Syarikat Bersekutu milik YPJHSB. Lain-lain ahli terdiri daripada Ketua Pegawai Eksekutif YPJHSB, Pengurus Besar Kanan YPJHSB, Pengurus Besar Kewangan YPJHSB dan Pengarah Eksekutif YPJPSB. Pengurusan syarikat diketuai oleh Pengarah Eksekutif dan dibantu oleh 75 kakitangan eksekutif dan bukan eksekutif.

4.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan adalah untuk menilai sama ada prestasi kewangan YPJPSB adalah memuaskan, pengurusan aktiviti dan kewangan syarikat serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhannya.

4.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan ini meliputi aspek prestasi kewangan, aktiviti utama dan tadbir urus YPJPSB. Semakan terhadap dokumen, fail, rekod yang berkaitan turut dilakukan bagi tahun 2012 hingga 2014 serta pemeriksaan fizikal peralatan dan aset turut dilakukan. Analisis prestasi kewangan dibuat berdasarkan penyata kewangan yang telah diaudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2011, 2012 dan 2013. Selain itu, temu bual dan perbincangan juga telah diadakan dengan pegawai yang berkaitan. Analisis kewangan merangkumi analisis trend dan nisbah yang dilaksanakan ke atas maklumat kewangan dan bukan kewangan

syarikat untuk tempoh 3 tahun. Lawatan Audit ke ladang kelapa sawit milik YPJPSB di Ladang Yayasan Johor, Ladang YPJ, Ladang Alaf di Jalan Kulai-Kota Tinggi, Ladang Payamunis di Mersing dan Kilang Kelapa Sawit di Ladang Alaf telah dilakukan. *Exit conference* bersama Pengerusi YPJPSB, Ketua Pegawai Eksekutif serta pegawai kanan YPJPSB telah diadakan pada 6 Oktober 2014.

4.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mac hingga Jun 2014 mendapati prestasi kewangan YPJPSB secara keseluruhannya adalah baik bagi tempoh 2011 hingga 2013 dimana ia mencatatkan keuntungan setiap tahun. Keuntungan terkumpul YPJPSB pada akhir tahun 2013 adalah berjumlah RM72.80 juta. Kedudukan aset dan liabiliti YPJPSB berada pada tahap memuaskan kerana YPJPSB masih mampu untuk menyelesaikan hutang jangka pendek berdasarkan nisbah kecairan yang dianalisis. Pengurusan aktiviti utama dan tadbir urus korporat YPJPSB bagi tahun 2012 hingga 2014 juga adalah baik. Sungguhpun begitu, adalah didapati pengeluaran Buah Tandan Segar (BTS), prestasi perolehan BTS dan prestasi pengeluaran Minyak Sawit Mentah (MSM) tidak mencapai sasaran ditetapkan. Pengeluaran BTS juga berada di bawah purata pengeluaran negara.

4.4.1. Prestasi Kewangan

4.4.1.1. Analisis Trend

- a.** Bagi tempoh 2011 hingga 2013, prestasi kewangan YPJPSB adalah baik di mana syarikat memperoleh keuntungan sebelum zakat dan cukai bagi 3 tahun berturut-turut walaupun menunjukkan trend penurunan. Berdasarkan kepada penyata kewangan beraudit YPJPSB bagi tahun kewangan 2011 hingga 2013, keuntungan sebelum zakat dan cukai YPJPSB pada tahun 2011 berjumlah RM57.49 juta dan menurun sebanyak 35.7% kepada RM36.94 juta pada tahun 2012. Keuntungan sebelum zakat dan cukai semakin menurun sebanyak 47.8% kepada RM19.27 juta pada tahun 2013. Keuntungan sebelum cukai yang menurun dengan ketara pada tahun 2012 adalah disebabkan jualan hasil utama kelapa sawit yang terdiri daripada jualan BTS, MSM dan IKS telah menurun sebanyak 28.4% atau berjumlah RM37.04 juta pada tahun 2012 berbanding jualan pada tahun 2011 berjumlah RM130.33 juta. Manakala pada tahun 2013 pula, jualan hasil utama kelapa sawit menurun sebanyak 20.1% kepada berjumlah RM74.55 juta berbanding pada tahun 2012 iaitu berjumlah RM93.29 juta. Bagaimanapun keuntungan tahun tersebut telah meningkatkan keuntungan terkumpul YPJPSB pada tahun 2011 berjumlah RM53.50 juta, pada tahun 2012 berjumlah RM69.49 juta dan pada tahun 2013 berjumlah RM72.80 juta.
- b.** Pendapatan utama YPJPSB terdiri daripada jualan MSM yang menyumbang 58.2% pada tahun 2011, 53.6% pada tahun 2012 dan 51.1% pada tahun 2013 daripada keseluruhan pendapatan YPJPSB. Jualan BTS pula menyumbang 21.5% pada tahun 2011, 23.9% pada tahun 2012 dan 25.8% pada tahun 2013 daripada keseluruhan pendapatan YPJPSB. Seterusnya, jualan IKS menyumbang 13.1% pada tahun 2011,

11.1% pada tahun 2012 dan 9.5% pada tahun 2013 daripada keseluruhan pendapatan YPJPSB. Pada tahun 2012, pendapatan utama YPJPSB telah menurun kepada sejumlah RM93.29 juta berbanding RM130.33 juta pada tahun 2011. Penurunan sejumlah RM37.04 juta atau 28.4% pada tahun 2012 adalah disebabkan pengeluaran BTS berkurangan dan penurunan harga MSM. Manakala pada tahun 2013 penurunan pendapatan utama sejumlah RM18.74 juta berbanding tahun 2013 disebabkan kemerosotan harga kelapa sawit. Selain itu, seluas 6,495.9 hektar kawasan tanaman adalah kelapa sawit yang berumur lebih 26 tahun yang mempengaruhi kuantiti pengeluaran BTS.


- c. Perbelanjaan YPJPSB terdiri daripada belanja pentadbiran, belanja operasi kos pembiayaan. Belanja pentadbiran antaranya adalah seperti kos pekerja, bil elektrik, yuran profesional, yuran pengurusan dan lain-lain perbelanjaan pentadbiran. Belanja operasi (kos jualan) pula antaranya adalah seperti belanja perkilangan, menuai dan memungut kelapa sawit, cukai tanah, penyelenggaraan ladang dan servis teknikal serta bayaran pengurusan. Manakala kos pembiayaan terdiri daripada faedah atas pinjaman, faedah atas jaminan pembayaran oleh bank, faedah sewa beli dan caj bank. Pada tahun 2012, jumlah perbelanjaan mengalami penurunan daripada sejumlah RM23.84 juta pada tahun 2011 kepada RM20 juta atau 16.1%. Penurunan perbelanjaan pada tahun 2012 merangkumi levi, yuran profesional, nilai buku aset terlebih catat dan yuran persatuan dan kos pekerja. Manakala pada tahun 2013 jumlah perbelanjaan semakin menurun kepada sejumlah RM17.93 juta atau 10.4% berbanding tahun 2012. Penurunan ini disebabkan pengurangan pada faedah atas pinjaman. Selain itu, kos jualan berkurang yang membabitkan belian, servis teknikal dan bayaran pengurusan.
- d. Kedudukan pendapatan, perbelanjaan dan keuntungan YPJPSB bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2011 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 4.1**, **Carta 4.1** dan **Carta 4.2**.

Jadual 4.1
Pendapatan, Perbelanjaan Dan Untung Rugi YPJPSB
Bagi Tahun Kewangan 2011 Hingga 2013


Butiran	Tahun		
	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
Jualan	130.33	93.29	74.55
Kos Jualan	-59.12	-48.21	-49.11
Untung Kasar	71.21	45.08	25.44
Pendapatan Kewangan	0.30	1.21	0.60
Lain-Lain Pendapatan	9.82	10.65	11.16
Jumlah Pendapatan	81.33	56.94	37.20
Belanja Pentadbiran Dan Kewangan	-23.84	-20.00	-17.93
Keuntungan Sebelum Zakat & Cukai	57.49	36.94	19.27
Zakat	-0.15	-1.11	-1.03
Cukai	-14.06	-5.84	-4.93
Keuntungan Selepas Zakat & Cukai	43.28	29.99	13.31
Dividen Dibayar	19.25	14.00	10.00
Keuntungan Terkumpul	53.50	69.49	72.80

Sumber: Penyata Kewangan YPJPSB

Carta 4.1
Trend Keuntungan Sebelum Zakat Dan Cukai Dan Keuntungan Terkumpul Bagi Tahun Kewangan 2011 Hingga 2013



Carta 4.2
Trend Pendapatan Dan Perbelanjaan Bagi Tahun Kewangan 2011 Hingga 2013



Sumber: Penyata Kewangan YPJPSB

4.4.1.2. Analisis Nisbah Kewangan

- a. Analisis nisbah kewangan bagi tempoh 3 tahun telah dibuat terhadap penyata kewangan bagi tahun kewangan 2011 hingga 2013 untuk menilai tahap risiko, kekuahan dan kecairan kewangan, nilai tambah keuntungan dan pulangan yang boleh diperoleh oleh YPJCSB sebagai pemegang saham utama YPJPSB. Hasil analisis nisbah kewangan adalah seperti di **Jadual 4.2**.

Jadual 4.2
Ringkasan Nisbah Kewangan YPJPSB Bagi Tahun Kewangan Berakhir
31 Disember 2011 Hingga 2013

Bil.	Butiran	Tahun		
		2011	2012	2013
i	Nisbah Semasa	1.58:1	1.62:1	1.86:1
ii	Margin Untung Bersih	44.1%	39.6%	25.8%
iii	Nisbah Pulangan Ke Atas Aset	0.09:1	0.06:1	0.03:1
iv	Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti	0.18:1	0.11:1	0.06:1

Sumber: Penyata Kewangan YPJPSB

- b. Nisbah Semasa digunakan untuk mengukur kecairan syarikat iaitu sejauh mana aset semasa yang ada dapat menampung liabiliti semasa. Nisbah semasa pada kadar 2:1 dan ke atas menunjukkan syarikat mempunyai kecairan kewangan yang baik dan berupaya menampung liabiliti semasa. Analisis Audit mendapati walaupun kadar nisbah semasa YPJPSB bagi tahun kewangan 2011 hingga 2013 di bawah kadar 2 iaitu antara 1.58 hingga 1.86, tetapi YPJPSB masih berkemampuan untuk membayar liabiliti jangka pendek dengan menggunakan aset mudah tunainya.
- c. Margin Untung Bersih digunakan untuk mengukur keupayaan syarikat dalam memperoleh untung bersih daripada setiap ringgit hasil daripada aktiviti utama syarikat. Analisis Audit mendapati margin keuntungan YPJPSB menurun dengan ketara pada tahun 2013 berbanding 2011 iaitu daripada 44 sen kepada 40 sen dan semakin menurun pada tahun 2013 pada kadar 26 sen. Penurunan margin

keuntungan bagi tempoh 3 tahun ini adalah disebabkan oleh penurunan pendapatan utama YPJPSB daripada jualan BTS, MSM dan IKS iaitu sebanyak 45.1%, manakala penurunan kos jualan dan kos operasi YPJPSB tidak tinggi iaitu sebanyak 16.9% dan 24.8% daripada tahun 2011 hingga 2013.

- d. Nisbah Pulangan Ke Atas Aset bertujuan mengukur kecekapan syarikat menggunakan aset yang dimiliki untuk menjana keuntungan. Kadar peratusan yang tinggi menunjukkan aset syarikat telah digunakan secara optimum dan berkesan bagi menjana pendapatan. Analisis Audit mendapati bagi tahun kewangan 2011 hingga 2013, kadar pulangan atas aset yang diperoleh YPJPSB menunjukkan penurunan di mana ia menurun daripada 9 sen pada tahun 2011 kepada 6 sen pada tahun 2012 dan terus menurun pada tahun 2013 pada kadar 3 sen. Penurunan ketara pada tahun 2013 disebabkan oleh penurunan untung bersih yang diperoleh pada tahun 2011 berbanding dengan jumlah aset yang dimiliki pada tahun yang sama. Prestasi penurunan kadar pulangan ke atas aset YPJPSB bagi 3 tahun berturut-turut menunjukkan YPJPSB kurang cekap dalam menguruskan aset yang dimiliki bagi menjana keuntungan syarikat.
- e. Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti bertujuan mengukur pulangan ke atas modal syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Semakin tinggi kadar peratusan yang diperoleh semakin tinggi kemampuan syarikat memberi keuntungan kepada pemegang saham. Analisis Audit mendapati kadar pulangan ekuiti YPJPSB menunjukkan penurunan pada tahun 2012 iaitu 11 sen berbanding pada tahun 2011 iaitu 18 sen dan terus menurun pada tahun 2013 kepada 6 sen. Walaupun, kadar pulangan ke atas ekuiti semakin menurun YPJPSB masih mempunyai keupayaan untuk membayar dividen kepada YPJ Corporation Sdn. Bhd. sebagai pemegang keseluruhan saham.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya prestasi kewangan YPJPSB pada tahun 2011 hingga 2013 adalah masih baik.

4.4.2. Pengurusan Aktiviti

4.4.2.1. Pengurusan Ladang Kelapa Sawit

Aktiviti utama syarikat YPJPSB adalah dalam bidang perladangan dan pengilangan kelapa sawit. Sehingga Oktober 2014, jumlah keluasan ladang YPJPSB adalah 10,160.34 hektar. Daripada jumlah tersebut sebanyak 9,530.61 hektar merupakan ladang matang dan 629.73 hektar adalah ladang belum matang. Secara amnya, pengurusan aktiviti dalam mengusahakan ladang dan kilang minyak kelapa sawit YPJPSB adalah baik dan telah menjadi penyumbang utama kepada keuntungan yang diperoleh bagi tahun 2012 hingga 2014. Bagaimanapun pengauditan yang dijalankan terhadap aktiviti utama syarikat mendapati beberapa perkara yang perlu diberi perhatian seperti berikut:

a. Pengeluaran Buah Tandan Segar (BTS) Tidak Mencapai Sasaran Ditetapkan Dan Di Bawah Purata Negara

- i. YPJPSB telah menetapkan jumlah BTS yang dikeluarkan oleh setiap ladang dalam Bajet Tahunan dan diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah setiap tahun bagi menentukan pendapatan syarikat tidak terjejas dan dapat menampung kos pengeluaran setiap ladang. Semakan Audit terhadap Laporan Kemajuan Ladang YPJPSB mendapati pengeluaran BTS mengikut ladang bagi tahun 2012, 2013 dan sehingga Oktober 2014 berbanding sasaran adalah seperti di **Jadual 4.3**.

Jadual 4.3
Pengeluaran BTS Ladang YPJPSB Berbanding Sasaran
Bagi Tahun 2012 Hingga Oktober 2014

Ladang YPJPSB	Pengeluaran BTS		
	Sasaran (Tan Metrik/Tahun)	Sebenar (Tan Metrik/Tahun)	Pencapaian (%)
2012			
Ladang Yayasan Johor	26,370	21,810	82.7
Ladang YPJ	47,689	36,789	77.1
Ladang Alaf	48,619	43,986	90.5
Ladang Payamunis	53,452	46,046	86.1
Jumlah	176,130	148,631	84.4
2013			
Ladang Yayasan Johor	23,930	20,996	87.7
Ladang YPJ	43,066	23,583	54.8
Ladang Alaf	40,985	46,306	113.0
Ladang Payamunis	51,699	47,086	91.1
Jumlah	159,680	137,971	86.4
Oktober 2014			
Ladang Yayasan Johor	22,400	17,781	79.4
Ladang YPJ	22,466	19,225	85.6
Ladang Alaf	34,367	39,648	115.4
Ladang Payamunis	43,037	43,489	101.1
Jumlah	122,270	120,143	98.3

Sumber: YPJPSB

- ii. Semakan Audit mendapati pengeluaran BTS ladang YPJPSB secara keseluruhannya adalah memuaskan berbanding sasaran yang ditetapkan iaitu 84.4% pada tahun 2012 dan 86.4% pada tahun 2013. Pengeluaran BTS ladang milik YPJPSB sehingga Oktober 2014 adalah baik di mana telah dapat mencapai 98.3% daripada sasaran yang ditetapkan. Bagaimanapun, pencapaian pengeluaran BTS Ladang YPJ pada tahun 2012 dan 2013 adalah yang paling rendah berbanding 3 ladang milik YPJPSB yang lain. Analisis Audit juga mendapati pengeluaran BTS tahun 2013 menurun berbanding pengeluaran BTS pada tahun 2012 bagi Ladang Yayasan Johor iaitu sebanyak 3.7% dan Ladang YPJ sebanyak 35.9%.
- iii. Analisis Audit terhadap purata pengeluaran BTS sehektar ladang mendapati purata pengeluaran BTS sehektar ladang YPJPSB bagi tempoh 2012 hingga Oktober 2014 adalah lebih rendah daripada purata pengeluaran negara.

Mengikut maklumat Lembaga Kelapa Sawit Malaysia (MPOB), purata sehektar pengeluaran BTS kawasan matang bagi Semenanjung Malaysia untuk tahun 2012, 2013 dan sehingga Oktober 2014 adalah masing-masing sebanyak 19.05, 19.26 dan 15.46 tan metrik sehektar setiap tahun. Purata tersebut lebih tinggi daripada purata sehektar pengeluaran BTS ladang YPJPSB iaitu sebanyak 15.83, 14.80 dan 12.61 tan metrik sehektar setiap tahun. Kedudukan perbandingan antara purata pengeluaran BTS ladang YPJPSB dengan purata pengeluaran BTS Semenanjung Malaysia yang dikeluarkan oleh MPOB bagi tahun 2012, 2013 dan hingga Oktober 2014 adalah seperti di **Jadual 4.4**.

Jadual 4.4
Purata Pengeluaran BTS Sehektar Bagi Tahun 2012, 2013 Dan Hingga Oktober 2014

Butiran	Tahun/Tan Metrik Sehektar		
	2012	2013	Oktober 2014
Purata Pengeluaran BTS YPJPSB	15.83	14.80	12.61
Purata Pengeluaran BTS Semenanjung Malaysia Oleh MPOB	19.05	19.26	15.46
Perbandingan Purata Pengeluaran BTS YPJPSB Dengan MPOB	-3.22	-4.46	-2.85

Sumber: YPJPSB Dan MPOB

- iv. Antara faktor yang mempengaruhi pengeluaran BTS tidak dapat mencapai sasaran dan purata pengeluaran BTS sehektar kawasan matang bagi ladang YPJPSB lebih rendah berbanding purata pengeluaran negara yang dikeluarkan oleh MPOB adalah seperti berikut:

- Ladang Yayasan Johor dan Ladang YPJ adalah antara ladang yang paling awal ditanam pokok kelapa sawit oleh YPJPSB di mana pokok telah berusia antara 26 hingga 28 tahun. Proses penuaian bagi pokok kelapa sawit yang berusia melebihi 26 tahun memerlukan bilangan tenaga pekerja mahir kerana pokok kelapa sawit telah tinggi. Pengurusan ladang memerlukan tempoh 3 bulan untuk melatih tenaga pekerja mahir bagi tujuan penuaian pokok kelapa sawit yang tinggi. Selain itu, pusingan penuaian kelapa sawit tidak dapat dilakukan mengikut tempoh yang telah ditetapkan jika pekerja mahir tidak hadir bekerja. Keadaan pokok kelapa sawit yang berusia lebih 26 tahun dan proses penuaian di Ladang Yayasan Johor dan Ladang YPJ adalah seperti di **Gambar 4.1** dan **Gambar 4.2**.

Gambar 4.1
**Keadaan Pokok Kelapa Sawit Berusia
28 Tahun**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Ladang Alaf, YPJPSB
Tarikh: 9 April 2014

Gambar 4.2
**Pokok Kelapa Yang Tinggi Dan
Memerlukan Tenaga Pekerja Mahir Untuk
Penuaian**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Ladang Yayasan Johor, YPJPSB
Tarikh: 8 April 2014

- Program penanaman semula pokok kelapa sawit di Ladang Alaf seluas 1,284.54 hektar telah dibuat secara berperingkat mulai tahun 2008 hingga 2013. Sehingga Oktober 2014 sebanyak 665.66 hektar pokok kelapa sawit telah matang dan boleh dituai manakala bakinya masih dalam proses tumbesaran. Keadaan kawasan Ladang Alaf yang dalam proses penanaman semula adalah seperti di **Gambar 4.3** dan **Gambar 4.4**.

Gambar 4.3
**Pokok Kelapa Sawit Di Tanam Semula
Pada Tahun 2011**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Ladang Alaf, YPJPSB
Tarikh: 9 April 2014

Gambar 4.4
**Pokok Kelapa Sawit Di Tanam Semula
Pada Tahun 2013**



Sumber: YPJPSB
Lokasi: Ladang Alaf, YPJPSB
Tarikh: 8 Julai 2013

- Kawasan seluas 10 hektar di Ladang Payamunis yang sepatutnya mula menghasilkan BTS mulai tahun 2009 atau 2010 tidak dapat mengeluarkan hasil akibat pertumbuhan yang terbantut kerana ditenggelami air. **Menurut maklum balas YPJPSB bertarikh 6 Oktober 2014, pada awalnya kawasan ini tidak bermasalah. Bagaimanapun masalah banjir yang dialami adalah di luar kawalan YPJPSB. Pada masa akan datang YPJPSB merancang untuk menaikkan ban atau kaedah lain yang sesuai sebelum penanaman**

semula dilaksanakan. Keadaan kawasan pokok kelapa sawit yang ditenggelami air adalah seperti di **Gambar 4.5** dan **Gambar 4.6**.

Gambar 4.5

Keadaan Pokok Kelapa Sawit Yang Ditenggelami Air



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Ladang Payamunis, YPJPSB
Tarikh: 10 Jun 2014

Gambar 4.6

Keadaan Pokok Kelapa Sawit Yang Ditenggelami Air



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Ladang Payamunis, YPJPSB
Tarikh: 10 Jun 2014

- Semakan Audit terhadap Laporan Kemajuan Ladang YPJPSB mendapati secara purata setiap ladang mempunyai masalah kekurangan pekerja penuai pada setiap bulan. Purata kekurangan pekerja penuai setiap ladang bagi tahun 2012 sehingga Oktober 2014 adalah sebanyak 7 hingga 52 orang pekerja atau antara 6.2% hingga 42.6%. **Menurut maklum balas YPJPSB bertarikh 6 Oktober 2014, faktor kekurangan penuai adalah disebabkan pokok kelapa sawit tinggi yang melebihi 50 kaki. Kawasan yang terlibat adalah seluas 4,892 hektar iaitu 52% daripada jumlah kawasan. Walaupun upah yang ditawarkan lebih tinggi tetapi bilangan pekerja yang berkemahiran dan berkeupayaan adalah terhad. YPJPSB telah memperkenalkan jadual pembayaran baru bermula bulan September 2014 bagi menarik minat penuai pokok tinggi.**
- Faktor cuaca tidak menentu yang mempengaruhi kadar cahaya yang diterima pokok kelapa sawit dan keluasan kawasan kelapa sawit matang berkurangan menyebabkan sasaran pengeluaran BTS tidak dapat dicapai.

b. Purata Kadar Perahan Minyak Sawit Di Bawah Purata Negara

- i. Faktor kematangan pokok kelapa sawit, keadaan buah yang cukup masak dan masih baru dan tidak terdedah kepada cuaca panas akan menghasilkan Purata Kadar Perahan Minyak Sawit (OER) yang lebih tinggi. Selepas proses penuaian, buah kelapa sawit tersebut perlu dihantar ke kilang bagi mengelakkan buah menjadi kering dan akan menurunkan OER.
- ii. Semakan Audit mendapati purata OER YPJPSB pada tahun 2012 sehingga Oktober 2014 berbanding OER yang dikeluarkan oleh MPOB Negeri Johor dan Semenanjung Malaysia adalah lebih rendah. Antara faktor yang menyebabkan

purata kadar perahan minyak sawit YPJPSB ini rendah adalah usia pokok semakin tua dan benih kelapa sawit keluaran tahun 1980 an. Purata OER yang rendah akan memberi kesan kepada harga BTS. Selain itu, mutu dan kualiti pengeluaran minyak sawit mentah dihasilkan juga rendah. Butiran lanjut mengenai perbandingan purata OER adalah seperti di **Jadual 4.5**.

Jadual 4.5

Purata Kadar Perahan Minyak Sawit YPJPSB Bagi Tahun 2012 Hingga Oktober 2014

Bil.	Ladang YPJPSB	Kadar Perahan Minyak(%)		
		2012	2013	Oktober 2014
1	Ladang Yayasan Johor	18.57	18.62	18.55
2	Ladang YPJ	18.57	18.62	18.55
3	Ladang Alaf	18.57	18.62	18.55
4	Ladang Payamunis	19.30	19.30	19.30
Purata OER YPJPSB		18.75	18.79	18.74
Purata OER Negeri Johor Oleh MPOB		19.83	19.77	20.15
Purata OER Semenanjung Malaysia Oleh MPOB		19.98	19.86	20.17

Sumber: YPJPSB

Nota: OER-Oil Extraction Rate

4.4.2.2. Pengurusan Kilang Kelapa Sawit YPJPSB

YPJPSB mempunyai sebuah kilang bagi memproses minyak sawit mentah (MSM) dan Isirong Kelapa Sawit (IKS) iaitu di Kilang Kelapa Sawit Alaf (APOM). Kilang ini dimiliki melalui pengambilalihan Ladang Alaf daripada Golden Hope Plantations Bhd. pada tahun 2000. Kilang yang terletak di Ladang Alaf mempunyai keupayaan pengilangan sebanyak 45 mt/jam. Sumber BTS untuk kilang APOM ialah dari ladang YPJPSB yang berdekatan iaitu Ladang YPJ, Ladang Yayasan Johor dan Ladang Alaf. Semakan Audit terhadap pengurusan Kilang Sawit YPJPSB adalah seperti berikut:

a. Prestasi Perolehan BTS Dan Pengeluaran MSM Tidak Mencapai Sasaran

- i. Bagi tempoh 2012 sehingga Oktober 2014 APOM menyasarkan perolehan BTS sebanyak 384,336 tan metrik dan pengeluaran MSM sebanyak 73,457 tan metrik. Semakan Audit mendapati perolehan sebenar BTS bagi tempoh 2012 sehingga Oktober 2014 tidak mencapai sasaran yang telah ditetapkan iaitu 283,080 tan metrik atau 73.7% dan pengeluaran MSM sebanyak 52,218 tan metrik atau 71.1%. Prestasi perolehan BTS dan pengeluaran MSM kilang APOM adalah seperti di **Jadual 4.6**.

Jadual 4.6
Prestasi Perolehan BTS Dan Pengeluaran MSM Bagi Tahun 2012 Hingga Oktober 2014

Tahun	Perolehan BTS		Pengeluaran MSM	
	Sasaran (Tan Metrik)	Sebenar (Tan Metrik)	Sasaran (Tan Metrik)	Sebenar (Tan Metrik)
2012	172,415	113,565	33,190	21,121
2013	123,891	94,296	23,539	17,142
2014 (Oktober)	88,030	75,219	16,728	13,955
Jumlah	384,336	283,080	73,457	52,218
Pencapaian (%)		73.7		71.1

Sumber: YPJPSB

- ii. Perolehan BTS oleh kilang dan pengeluaran MSM tidak mencapai sasaran disebabkan penurunan pengeluaran BTS oleh ladang-ladang YPJPSB.

b. Purata Harga Jualan MSM Dan IKS Di Bawah Purata Negara

- i. Kedudukan purata harga jualan MSM dan IKS yang dikeluarkan oleh MPOB dan harga jualan YPJPSB bagi tahun 2012 sehingga Oktober 2014 adalah seperti di **Jadual 4.7**.

Jadual 4.7
Purata Harga Jualan MSM Dan IKS Se Tan Metrik Bagi Tahun 2012 Hingga Oktober 2014

Jualan Minyak Sawit Mentah Dan Isirong Kelapa Sawit	2012		2013		Oktober 2014	
	MSM (RM)	IKS (RM)	MSM (RM)	IKS (RM)	MSM (RM)	IKS (RM)
Purata Harga Se Tan Metrik Semenanjung Malaysia Yang Dikeluarkan Oleh MPOB	2,772.50	1,522.50	2,376.50	1,371.50	2,178.50	1,340.00
Purata Harga Se Tan Metrik Jualan Kilang APOM, YPJPSB	2,865.69	1,589.59	2,344.12	1,304.81	2,452.86	1,755.00

Sumber: YPJPSB Dan MPOB

- ii. Berdasarkan **Jadual 4.7**, pada tahun 2012 dan sehingga Oktober 2014 purata harga jualan YPJPSB adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan purata harga jualan Semenanjung Malaysia yang dikeluarkan oleh MPOB. Bagaimanapun bagi tahun 2013 purata harga jualan MSM dan IKS adalah rendah jika dibandingkan dengan purata harga jualan Semenanjung Malaysia yang dikeluarkan oleh MPOB. Ini disebabkan harga dan kuantiti jualan MSM dan IKS dijual oleh YPJPSB adalah secara kontrak hadapan iaitu harga dan kuantiti ditentukan sekarang manakala penghantaran akan dibuat dalam masa sebulan hingga 3 bulan berikutnya. Sekiranya purata harga jualan MSM dan IKS yang ditentukan oleh MPOB pada bulan semasa adalah rendah maka YPJPSB akan mendapat lebihan dari segi harga jualan yang telah ditetapkan di mana kos pengeluaran pada bulan tersebut semakin berkurangan. Selain itu, perbezaan purata harga MSM dan IKS ini berlaku adalah disebabkan trend harga MPOB di mana jika trend harga MPOB meningkat maka YPJPSB akan mengalami peningkatan kos belian BTS dan jika trend harga MPOB menurun maka harga jualan bagi MSM dan IKS bagi YPJPSB akan menjadi lebih tinggi.

- iii. Perolehan BTS dan pengeluaran MSM yang tidak mencapai sasaran ditetapkan serta purata harga jualan MSM serta IKS di bawah purata negara menyebabkan pendapatan jualan hasil utama kelapa sawit menurun sejumlah RM25.30 juta pada tahun 2012 dan RM12.32 juta pada tahun 2013.

Pada pendapat Audit pengurusan ladang dan kilang sawit YPJPSB adalah baik. Bagaimanapun pengeluaran BTS dan MSM tidak mencapai sasaran yang ditetapkan serta harga jualan MSM dan IKS di bawah purata negara.

4.4.3. Tadbir Urus Korporat

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia telah memperkenalkan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia pada tahun 2000 dan telah disemak semula pada tahun 2007 yang menekankan elemen penting seperti pematuhan undang-undang dan peraturan, struktur organisasi, keanggotaan, peranan dan tanggungjawab lembaga pengarah kepada pemegang saham, penetapan dan pendedahan ganjaran yang diterima oleh lembaga pengarah, polisi dan prosedur, penubuhan jawatankuasa lain dan peranan Jawatankuasa Audit terhadap akauntabiliti syarikat. Tadbir urus korporat merujuk kepada proses yang digunakan untuk mengurus dan mengawal aktiviti/program dan kebijakan syarikat ke arah meningkatkan prestasi dan akauntabiliti korporat dengan objektif utama memastikan kepentingan *stakeholders* dipertahankan. Tadbir urus korporat penting sebagai peraturan yang berkesan bagi menyumbang kepada perkembangan perniagaan. Penemuan Audit terhadap tadbir urus korporat YPJPSB adalah seperti berikut:

4.4.3.1. Tatacara Perakaunan Dan Kewangan

Semakan Audit mendapati YPJPSB tidak menggunakan pakai pekeliling-pekeliling kerajaan berkaitan pengurusan syarikat kerajaan. YPJPSB menggunakan manual Tatacara Perakaunan dan Kewangan YPJPSB mulai Januari 2014 yang telah diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah pada Oktober 2014. **Menurut maklum balas YPJPSB bertarikh 6 Oktober 2014, sebahagian pekeliling kerajaan telah diguna pakai mengikut arahan daripada YPJHSB tetapi tidak didokumentasikan di peringkat YPJPSB.**

4.4.3.2. Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan Serta Unit Audit Dalam

Mengikut amalan terbaik Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan perlu ditubuhkan untuk meningkatkan kawalan terhadap syarikat kerajaan bagi menjaga kepentingan kerajaan sebagai pemegang saham utama. Antara fungsi utama Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan adalah menilai pencapaian audit dalaman, mengadakan kajian audit dan pemeriksaan khas, mengkaji dan mengawasi rancangan korporat, menilai kawalan dalaman terhadap pengurusan kewangan, memastikan dasar kerajaan dipatuhi, mengkaji perbelanjaan syarikat dibuat dengan berpatutan, mengkaji penggunaan sistem perakaunan efektif serta mengkaji dan memeriksa penyata kewangan syarikat. Semakan Audit mendapati YPJPSB menggunakan khidmat Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan

yang ditubuhkan oleh YPJHSB. Bagi tempoh 2012 hingga 2013, Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan telah bermesyuarat sebanyak 2 kali iaitu 1 kali setiap tahun. Manakala sehingga bulan Oktober 2014, mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan belum diadakan. YPJHSB telah melantik firma audit swasta untuk menjalankan fungsi UAD bagi pihak YPJHSB dan syarikat subsidiari YPJHSB. Bagi tempoh 2011 hingga Oktober 2014 perkhidmatan pengauditan yang telah dilakukan oleh firma audit swasta tersebut terhadap YPJPSB adalah sebanyak 1 kali sahaja iaitu pada tahun 2011.

4.4.3.3. Rancangan Korporat

Mengikut amalan terbaik, syarikat Kerajaan perlu menyediakan atau mengemas kini strategi dan rancangan korporat sebagai wawasan syarikat mencapai matlamat jangka pendek (tahunan) dan jangka panjang. Rancangan korporat yang disediakan hendaklah diluluskan oleh Lembaga Pengarah syarikat dan Lembaga Pengarah Agensi Kerajaan. Rancangan korporat penting disediakan bagi merangka strategi pelaksanaannya bagi membentuk objektif dan matlamat yang realistik selaras dengan misi dan keupayaan organisasi. Ia juga dapat membantu syarikat memastikan penggunaan sumber yang lebih efektif dan hubungan yang baik dan hala tuju yang jelas antara kakitangan dan pihak pengurusan. Semakan Audit mendapati YPJPSB tidak menyediakan rancangan strategik setiap tahun bagi tahun 2012 hingga 2014. Bagaimanapun, YPJPSB telah menggunakan pakai pelan rancangan strategik bagi tahun 2012 hingga 2016 yang telah disediakan oleh YPJHSB.

4.4.3.4. Key Performance Indicator

Mengikut *Intensifying Performance Management* Buku Biru Versi 2, syarikat kerajaan perlu menyediakan *Key Performance Indicator* (KPI) bagi mengukur prestasi syarikat. KPI yang disediakan perlulah berkait rapat dengan strategi syarikat yang melibatkan semua peringkat dalam organisasi iaitu KPI bagi Ketua Eksekutif dan syarikat keseluruhannya dan KPI bagi seksyen/unit perniagaan. Semakan Audit mendapati YPJPSB tidak menyediakan KPI untuk menilai prestasi syarikat bagi tahun 2012 hingga 2014. Bagaimanapun penilaian prestasi YPJPSB dibuat berpandukan belanjawan tahunan dan unjuran perbelanjaan setiap tahun yang disediakan bagi merancang kedudukan kewangan syarikat.

4.4.3.5. Pengurusan Risiko

Setiap aktiviti perniagaan terdedah kepada pelbagai risiko kewangan dan pengurusan termasuk risiko kredit, kadar faedah, pasaran, kecairan dan aliran tunai. Objektif pengurusan risiko adalah untuk mengenal pasti, menilai, mengimbang dan mengawal risiko yang terdedah kepada YPJPSB. Kaedah atau tindakan hendaklah dikenal pasti bagi mengurangkan atau mengelak kerugian kesan daripada risiko tersebut serta meningkatkan pulangan atau keuntungan YPJPSB. Pihak pengurusan sesebuah syarikat adalah bertanggungjawab untuk menangani risiko tersebut secara lebih teratur dengan menyediakan polisi serta prosedur bagi menguruskannya. Semakan Audit mendapati

YPJPSB tidak mengenal pasti risiko yang akan dihadapi oleh syarikat bagi memastikan ia dapat ditangani dengan mudah dan berkesan. Sebagai syarikat yang berasaskan perladangan, YPJPSB bergantung sepenuhnya kepada pasaran komoditi tertentu dan perubahan harga dan permintaan terhadap komoditi di pasaran akan menjelaskan pendapatan syarikat. **Menurut maklum balas YPJPSB bertarikh 6 Oktober 2014, syarikat tidak pernah mengenal pasti risiko yang akan dihadapi dan akan mengambil tindakan untuk melantik juruperunding bagi menjalankan analisis pengurusan risiko.**

4.4.3.6. Corporate Integrity Pledge Dan Integrity Pact

Corporate Integrity Pledge ialah suatu ikrar yang dibuat oleh syarikat untuk tidak terlibat dengan sebarang aktiviti rasuah. Ia perlu disediakan dan ditandatangani oleh pihak syarikat sebagai langkah pencegahan rasuah. *Integrity Pact* ialah ikrar di antara pegawai syarikat dan pembida yang terlibat dengan urusan perolehan untuk tidak terlibat dengan aktiviti rasuah. Ia perlu disediakan dan ditandatangani oleh kedua-dua pihak. Semakan Audit mendapati YPJHSB dalam fasa akhir untuk menyediakan ikrar integriti korporat yang juga akan dilaksanakan di peringkat anak syarikat setelah ia dimuktamadkan.

4.4.3.7. Pembayaran Bonus

Akta Syarikat 1965 memperuntukkan bonus boleh dibayar kepada kakitangan sekiranya syarikat memperoleh keuntungan. Kelulusan pembayaran bonus kepada kakitangan syarikat perlu dicadangkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah dan dipersetujui oleh Lembaga Pengarah. Semakan Audit mendapati YPJPSB telah membayar bonus kepada kakitangan syarikat pada tahun 2011 sebanyak 5 bulan gaji, pada tahun 2012 sebanyak 4 bulan gaji. Mesyuarat Lembaga Pengarah pada bulan Oktober 2014 juga telah bersetuju untuk membayar bonus kepada kakitangan syarikat pada tahun 2013 sebanyak 4 bulan gaji. **Menurut maklum balas YPJPSB bertarikh 6 Oktober 2014, cadangan pembayaran bonus telah dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri bagi kelulusan.**

4.4.3.8. Pembayaran Dividen

Mengikut amalan bagi syarikat-syarikat kerajaan, dividen perlu dibayar sebagai pulangan modal kepada pemegang saham. Sekiranya keuntungan tahun semasa melebihi daripada yang dijangka, peratusan dividen kepada pemegang saham perlu ditingkatkan tanpa menjelaskan kedudukan kewangan syarikat. Semakan Audit mendapati bagi tahun kewangan 31 Disember 2011 hingga 2013, sejumlah RM43.25 juta dividen telah dibayar kepada YPJCSB sebagai syarikat induk iaitu RM19.25 juta bagi tahun 2011, RM14 juta bagi tahun 2012 dan RM10 juta bagi tahun 2013. Jumlah dividen dibayar semakin menurun disebabkan jumlah keuntungan YPJPSB semakin menurun setiap tahun. **Menurut maklum balas YPJPSB bertarikh 6 Oktober 2014, pembayaran dividen adalah mengikut bajet yang telah ditetapkan oleh YPJHSB.**

4.4.3.9. Pengurusan Aset

YPJPSB menggunakan pakai Tatacara Pengurusan Stor dan Inventori YPJHSB yang merupakan sebahagian daripada Tatacara dan Peraturan Perakaunan dan Kewangan. Pemeriksaan Audit terhadap pengurusan aset YPJPSB mendapati perkara seperti berikut:

- a. Pemeriksaan fizikal aset di Ibu Pejabat tidak dijalankan sekurang-kurangnya setahun sekali bagi memastikan tahap penggunaan, keperluan penyelenggaraan dan pembaikan yang diperlukan. Bagaimanapun, pemeriksaan aset dan stok di ladang dijalankan setiap tahun.
- b. YPJPSB tidak melabel aset-aset yang telah dibeli dengan nombor pendaftaran/nombor siri yang telah ditetapkan.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya tadbir urus korporat YPJPSB adalah baik bagaimanapun pengurusan aset tidak dilaksanakan sepenuhnya mengikut Tatacara Pengurusan Stor dan Inventori YPJHSB.

4.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan prestasi YPJ Plantations Sdn. Bhd. (YPJPSB) sentiasa berada pada tahap yang baik adalah disyorkan YPJPSB mengambil tindakan seperti berikut:

- 4.5.1.** Meningkatkan pengeluaran BTS ladang kelapa sawit supaya mencapai sasaran pengeluaran yang ditetapkan dan seterusnya menjamin pendapatan utama YPJPSB tidak terjejas.
- 4.5.2.** Menentukan tahap risiko dalam setiap aktiviti yang dilaksanakan bagi memudahkan perancangan strategik syarikat dan *Key Performance Indicator* (KPI) ditentukan untuk mengukur prestasi syarikat.
- 4.5.3.** Membuat penambahbaikan terhadap kawalan pengurusan aset.



PENUTUP

PENUTUP

Secara keseluruhan, pengauditan yang dijalankan telah menunjukkan beberapa penambahbaikan dalam pelaksanaan program dan aktiviti Jabatan/Agenzi Negeri seperti berkurangnya kes-kes ketidakpatuhan terhadap prosedur kerajaan dan penetapan asas-asas yang jelas dalam pelaksanaan projek atau program. Namun begitu, kegagalan mengambil tindakan awal terhadap masalah yang berlaku sepanjang pelaksanaan projek/program telah menjaskan pencapaian matlamat projek/program pada akhirnya. Selain itu, aspek pemantauan dan penyeliaan masih perlu dipertingkatkan dan dilakukan secara berterusan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan, kontraktor dan vendor.

Sehubungan itu, Jabatan/Agenzi Negeri yang terlibat bukan sahaja perlu mengambil tindakan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, malah perlu bertindak dengan cepat sebaik sahaja masalah atau kelemahan itu dikenal pasti. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku dalam projek/program lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan Kerajaan, berdaya saing serta bagi memastikan objektif penubuhan syarikat tercapai sepenuhnya.

Jabatan Audit Negara

Putrajaya
23 Februari 2015



www.audit.gov.my

Jabatan Audit Negara Malaysia

No. 15, Aras 1-5, Persiaran Perdana, Presint 2, 62518 Wilayah Persekutuan Putrajaya